

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XIII)1

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENGKALAN KOTA
YB WONG YUEE HARNG**

1. Adakah pasukan ambulan menghadapi sebarang kekangan sewaktu menyalurkan bantuan perubatan kepada penduduk-penduduk di dalam rumah *pre-war* (kategori 2), kawasan George Town dari segi katil *stretcher* / kerusi beroda tidak dapat melepasi tempat letak kereta di hadapan rumah kedai.
 - (a) Nyatakan dimensi minimum bagi sesebuah katil *stretcher* ambulan untuk dilepasi.

**YB GOOI ZI SEN
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

1. Pasukan ambulan menghadapi sedikit kekangan dalam memberikan perkhidmatan di beberapa kawasan sekitar George Town, terutamanya jalan-jalan yang kecil dan sempit. Keadaan ini menyukarkan pergerakan ambulan, usungan (*stretcher*) dan kerusi roda. Selain itu, pasukan perubatan juga menghadapi masalah akses kepada pesakit jika laluan ataupun jalan berlubang. Namun begitu perkhidmatan tetap diberikan mengikut situasi dan kes
 - (a) Spesifikasi ambulans yang paling biasa digunakan dalam perkhidmatan ambulan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) adalah menggunakan van berjenama Toyota Hi-Ace yang memiliki dimensi seperti berikut:

Lebar: 1950 mm

Panjang: 5265 mm

Tinggi: 1990 mm

- (b) Manakala, spesifikasi usungan (*stretcher*) yang paling biasa digunakan dalam perkhidmatan ambulans KKM adalah usungan berjenama *Spencer* yang memiliki dimensi seperti berikut:

Lebar: 570 mm

Panjang: 1970 mm (1465 mm bila dipendekkan)

Tinggi: 190 mm

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XIII)2

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENKALAN KOTA
YB WONG YUEE HARNG**

2. Berapakah petak parkir dihapuskan oleh MBPP sejak tahun 2018 sehingga kini?
- (a) Senaraikan lokasi dan sebab petak parkir dihapuskan.
 - (b) Adakah penghapusan petak parkir mendatangkan sebarang masalah atau kerugian kepada PBT dan masyarakat?
 - (c) Adakah ia berbaloi untuk dihapuskan kalau berbandingkan sebarang kerugian (sekiranya ada) dengan kelebihan selepas dihapuskan?

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

2. Jumlah petak parkir yang dihapuskan oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) sejak tahun 2018 sehingga kini adalah sebanyak 621 petak.
- (a) Senarai lokasi dan sebab petak parkir dihapuskan adalah seperti di **LAMPIRAN A**.
 - (b) Penghapusan petak parkir tidak mendatangkan masalah atau kerugian jika dibandingkan dengan manfaat jangka panjang yang akan diterima oleh masyarakat.
 - (c) Penghapusan petak letak kereta bertujuan untuk menyusun atur aliran lalu lintas bagi melancarkan aliran trafik di kawasan-kawasan tertentu. Selain itu, pewujudan kemudahan petak motosikal dan perhentian bas bagi menggantikan petak letak kereta sememangnya memberi manfaat dan kemudahan berterusan kepada orang ramai.

**SENARAI LOKASI DAN SEBAB PETAK PARKIR DI HAPUSKAN OLEH
MAJLIS BANDARAYA PULAU PINANG (MBPP)**

TAHUN 2018

| BIL. | NAMA JALAN | BIL. PETAK KERETA DIHAPUS | SEBAB PETAK DIHAPUS |
|---------------|---|--|----------------------------|
| 1. | Lorong Argus | 2 | Tiang lampu |
| 2. | Lebuh Victoria (Gat Lebuh Chulia - Gat Jalan Prangin) | 6 | Petak panggah memunggah |
| 3. | Lebuh Campbell | 2 | Ditukar petak motosikal |
| 4. | Lorong Swatow | 3 | Susun atur |
| 5. | Jalan Bawasah | 1 | Susun atur |
| 6. | Lebuh Campbell | 2 | Ditukar petak motosikal |
| 7. | Jalan Arratoon | 1 | <i>Manhole</i> |
| 8. | Jalan Moulmein | 1 | Pili bomba |
| 9. | Jalan servis di sebelah Jalan Sungai Dua | 1 | Susun atur |
| JUMLAH | | 19 | |

TAHUN 2019

| BIL. | NAMA JALAN | BIL. PETAK KERETA DIHAPUS | SEBAB PETAK DIHAPUS |
|---------------|--|----------------------------------|---|
| 1. | Lebuh Campbell | 2 | Ditukar menjadi petak motosikal |
| 2. | Lorong Argus | 2 | Susun atur untuk pasang tiang lampu |
| 3. | Lebuh Victoria (Gat Lebuh Chulia - Gat Jalan Prangin) | 6 | Petak ditukar kepada petak punggah mengunggah |
| 4. | Lorong Swatow | 3 | Susun atur |
| 5. | Jalan Bawasah | 1 | Petak ditukar ke petak motosikal |
| 6. | Jalan Arratoon | 1 | <i>Manhole</i> |
| 7. | Jalan Moulmein | 1 | Pili bomba |
| 8. | Jalan Servis disebelah Jalan Sungai Dua (Yellow house) | 1 | Susun atur |
| 9. | Jalan Penara Bukit (Bandar Balik Pulau) | 16 | Aliran lalu lintas |
| 10. | Lorong Kelab | 4 | Susun atur |
| 11. | Jalan Tan Sri Teh Ewe Lim | 1 | Padam untuk pasang lampu isyarat |
| 12. | Jalan Gurdwara (Jalan Magazine-Lebuh Macallum) | 11 | Projek BIDS |
| 13. | Lorong Belakang Sri Bahari | 2 | Padam petak sebab ubah laluan dari sehala ke dua hala |
| 14. | Lebuh Noordin | 1 | Tukar petak motosikal |
| 15. | Lebuh Pressgrave | 2 | Tukar petak motosikal |
| 16. | Lebuh Tye Sin | 2 | Tukar petak motosikal |
| 17. | Tempat Letak Kereta Pasar Tanjung Bungah | 26 | Padam petak berikutan projek di jalan servis di sebelah Jalan Pasar |
| JUMLAH | | 82 | |

TAHUN 2020

| BIL. | NAMA JALAN | BIL. PETAK KERETA DIHAPUS | SEBAB PETAK DIHAPUS |
|-------------|--|----------------------------------|---------------------------------------|
| 1. | Lebuh King (Lebuh Cina – Lebuh Light) | 2 | Susun atur |
| 2. | Gat Lebuh Cina | 25 | Susun atur selepas projek |
| 3. | Lebuh Penang (Lebuh Light - Lebuh Cina) | 1 | Susun atur |
| 4. | Jalan Sungai Ujong | 2 | Pembinaan untuk pokok hiasan |
| 5. | Jalan Argyll (Lebuh Penang - Jalan Transfer) | 1 | Pili bomba |
| 6. | Jalan Tye Kee Yoon | 2 | Tukar ke petak panggah memunggah |
| 7. | Kampung Jawa Lama | 14 | Susun atur untuk lancar aliran trafik |
| 8. | Jalan Pasar (Air Itam) | 4 | Susun atur |
| 9. | Jalan Utama | 3 | Susun atur |
| 10. | Lorong Soo Hong | 3 | Susun atur |
| 11. | Lebuh Muntri (Lebuh Leith-Love Lane) | 3 | Pembinaan stesen <i>link bike</i> |
| 12. | Lorong Ngah Aboo | 1 | Susun atur |
| 13. | Jalan Argyll (Jalan Transfer - Jalan Larut) | 5 | Susun atur |
| 14. | Lorong Aman | 5 | Susun atur lancar aliran trafik |
| 15. | Medan Batu Lanchang | 2 | Laluan pintu masuk |
| 16. | Jalan servis di sebelah Jalan Sungai Nibong | 5 | Susun atur |
| 17. | Jalan servis di sebelah Jalan Masjid Negeri | 2 | Tukar menjadi petak motosikal |
| 18. | Jalan Rumbia | 8 | Susun atur |
| 19. | Lintang Mayang Pasir 1 | 2 | Susun atur |
| 20. | Jalan servis di sebelah Lintang Mayang Pasir 3 | 6 | Susun atur |

| | | | |
|-----|--|----|---|
| 21. | Pasar Bayan Baru | 2 | Susun atur |
| 22. | Jalan servis di sebelah Jalan Batu Uban (hadapan Sunny Point) | 1 | Susun atur |
| 23. | Lorong Pitt | 1 | Tukar ke petak motosikal |
| 24. | Pesara Kampung Jawa | 3 | Tukar ke petak motosikal |
| 25. | Jalan servis di sebelah Jalan Sungai Dua (hadapan University Height) | 27 | Pelebaran siar kaki awam |
| 26. | Lebuh Leith | 2 | Susun atur |
| 27. | Lebuh Campbell | 4 | Tukar ke petak motosikal |
| 28. | Jalan Kuala Kangsar (Jalan Dr.Lim Chwee Leong-Lebuh Kimberly) | 2 | Susun atur |
| 29. | Lebuh Keng Kwee | 1 | Susun atur |
| 30. | Lebuh Kimberley | 8 | Susun atur & pembinaan <i>planter box</i> |
| 31. | Jalan Pintal Tali | 1 | Susun atur |
| 32. | Lorong Prangin | 2 | Susun atur |
| 33. | Lorong Toh Aka | 1 | Susun atur |
| 34. | Love Lane (Jalan Muntri - Lebuh Farquhar) | 2 | Susun atur |
| 35. | Kampung Kolam | 1 | Berhampiran simpang |
| 36. | Gat Lebuh Melayu | 1 | Susun atur |
| 37. | Lorong Aboo Siti | 2 | Susun atur |
| 38. | Lorong Amoy | 1 | Susun atur |
| 39. | Jalan Kebun Nyior | 1 | Susun atur petak berhampiran simpang |
| 40. | Jalan Macalister (dekat Simpang Jalan Perak) | 1 | Susun atur |
| 41. | Lebuh Cecil | 4 | Susun atur sebab tukar ke jalan sehala |
| 42. | Tempat Letak Kereta Lebuh Sandilands | 6 | Susun atur |
| 43. | Lebuh Tye Sin | 4 | Susun atur |

| | | | |
|---------------|---|------------|--|
| 44. | Jalan servis di sebelah Jalan Tanjung Tokong (Desa Tanjung) | 1 | Susun atur |
| 45. | Jalan servis di sebelah Jalan Trengganu | 1 | Susun atur |
| 46. | Medan Batu Lanchang | 3 | Susun atur semula |
| 47. | Lebuh McNair (Lebuh Macallum- Lebuh Noordin) | 3 | Tukar ke perhentian bas |
| 48. | Jalan servis di sebelah Jalan Jelutong (Wisma Jelutong) | 1 | Susun atur |
| 49. | Jalan Selangor | 1 | Susun atur |
| 50. | Jalan Sungai Kelian | 3 | Pembinaan <i>speed bump</i> dan petak di tukar ke perhentian bas |
| 51. | Jalan Logan | 1 | Laluan keluar |
| 52. | Lorong Ngah Aboo | 1 | Susun atur |
| 53. | Jalan servis di sebelah Jalan Sultan Ahmad Shah (hadapan Bangunan SPRM) | 3 | Tukar ke petak motosikal |
| 54. | Jalan Macalister | 2 | Tukar ke petak OKU |
| 55. | Jalan servis di sebelah Jalan Tengah (Taman Seri Tunas) | 2 | Tukar ke petak motosikal |
| 56. | Jalan servis di sebelah Jalan Sultan Azlan Shah (hadapan Krystal Point) / Gerbang Bukit Kecil 2 | 1 | Berhampiran simpang |
| 57. | Lorong Sungai Tiram | 7 | Susun atur & tukar ke petak motosikal |
| 58. | Medan Bayan Lepas | 10 | Tukar ke perhentian bas |
| JUMLAH | | 214 | |

TAHUN 2021

| BIL. | NAMA JALAN | BIL. PETAK KERETA DIHAPUS | SEBAB PETAK DIHAPUS |
|-------------|---|----------------------------------|----------------------------------|
| 1. | Lebuh Downing | 3 | Perhentian bas |
| 2. | Lebuh Chulia | 1 | Kotak TNB |
| 3. | Lebuh Armenian | 1 | Pembinaan arca |
| 4. | Jalan Kebun Nyior | 1 | Tepi simpang |
| 5. | Jalan servis di sebelah Jalan Tengah | 1 | Susun atur |
| 6. | Jalan servis di sebelah Jalan Paya Terubong (Golden Triangle) | 1 | Susun atur |
| 7. | Tempat Letak Kereta Pasar Rajawali | 2 | Laluan keluar |
| 8. | Hilir Sungai Kluang 1 | 8 | Susun atur |
| 9. | Hilir Sungai Kluang 4 | 8 | Susun atur |
| 10. | Lebuh Presgrave | 7 | Susun atur |
| 11. | Lebuh Chulia | 2 | Tukar ke petak panggah memunggah |
| 12. | Jalan servis di sebelah Jalan Perak (Klinik Comfort) | 9 | Laluan 2 hala |
| 13. | Jalan servis di sebelah Jalan Perak (Subway) | 8 | Laluan 2 hala |
| 14. | Jalan servis di sebelah Jalan Perak (Chicken rice) | 1 | Susun atur |
| 15. | Jalan Johor | 3 | Susun atur |
| 16. | Tempat Letak Kereta Pasar Jalan patani | 6 | Susun atur |
| 17. | Medan Kampung Relau 1 | 2 | Ditukar ke petak motosikal |
| 18. | Lorong Aboo Sittee | 2 | Laluan |
| 19. | Lebuh Cintra | 1 | Laluan |
| 20. | Tempat Letak kereta Pasar Awam Balik Pulau | 2 | Susun atur |
| 21. | Lorong Baru | 2 | Susun atur |

| | | | |
|---------------|---|------------|--|
| 22. | Lorong Swatow | 1 | Laluan |
| 23. | Tempat Letak Kereta Taman Free School | 2 | Laluan ke <i>pocket park</i> |
| 24. | Jalan Timah | 10 | Pembinaan |
| 25. | Persiaran Gurney | 3 | Susun atur |
| 26. | Tempat Letak Kereta Pasar Tanjong Bungah | 1 | Laluan lori sampah |
| 27. | Lebuh Armenian | 4 | Pembinaan arca & <i>plant box</i> |
| 28. | Lorong Aboo Sittee | 1 | Ditukar ke petak motosikal |
| 29. | Jalan servis di sebelah Jalan Perak (Astaka) | 6 | Susun atur petak sudut (<i>angle</i>) |
| 30. | Jalan Pasar (Air Itam) | 7 | Pembinaan |
| 31. | Jalan Paya Terubong (Air Itam) | 1 | Hadapan balai polis |
| JUMLAH | | 107 | |

TAHUN 2022

| BIL. | NAMA JALAN | BIL. PETAK KERETA DIHAPUS | SEBAB PETAK DIHAPUS |
|-------------|--|----------------------------------|------------------------------|
| 1. | Jalan Dato Keramat | 1 | Susun atur |
| 2. | Hilir Sungai Kluang 4 | 5 | Susun atur |
| 3. | Lorong Delima Lima | 1 | Tukar ke petak OKU |
| 4. | Jalan servis di sebelah Jalan Perak (Subway) | 2 | Tepi simpang |
| 5. | Jalan servis di sebelah Jalan Balik Pulau | 2 | Susun atur |
| 6. | Tempat Letak Kereta Pasar Batu Lancang | 1 | Susun atur |
| 7. | Lorong Swatow | 1 | Ditukar ke petak motosikal |
| 8. | Jalan servis di sebelah Jalan Tun Dr Awang | 1 | Susun atur |
| 9. | Lintang Kampung Jawa | 11 | Susun atur |
| 10. | Lintang Batu Maung 2 | 1 | Susun atur |
| 11. | Halaman Kampung Jawa | 15 | Susun atur |
| 12. | Gerbang Kampung Jawa | 11 | Susun atur |
| 13. | Lebuh King | 1 | Ditukar ke petak motosikal |
| 14. | Lorong Macalister | 7 | Susun atur |
| 15. | Lebuh McNair | 2 | Perhentian bas |
| 16. | Tingkat Kenari 6 (Desaria) | 9 | Ketidaksesuaian |
| 17. | Lebuh Pantai | 1 | Pembinaan arca |
| 18. | Jalan Hutton | 1 | Laluan pejalan kaki |
| 19. | Lebuh Katz | 3 | Pembinaan <i>speed table</i> |
| 20. | Halaman Kampung Jawa | 2 | Susun atur |
| 21. | Jalan Bakau | 5 | Pokok dalam petak |
| 22. | Hala Kampung Jawa 2 | 2 | Ditukar ke petak motosikal |
| 23. | Jalan servis Jalan Balik Pulau | 1 | Ditukar ke petak motosikal |
| 24. | Lebuh Duke | 7 | Projek dan susun atur |

| | | | |
|---------------|-----------------------------------|------------|-------------------------------------|
| 25. | Jalan Padang Kota Lama | 9 | Projek dan susun atur |
| 26. | Jalan Macalister | 2 | Ketidaksesuaian |
| 27. | Tempat Letak Kereta Padang Tembak | 3 | Susun atur |
| 28. | Jalan Van Praagh | 1 | Ruang menunggu motosikal (sekolah) |
| 29. | Lebuh Sungai Pinang 1 | 3 | Perhentian bas |
| 30. | Lorong Aboo Sittee | 2 | Ditukar ke petak motosikal & laluan |
| 31. | Persiaran Mahsuri 1/1 | 1 | Kotak TNB |
| 32. | Persiaran Mahsuri 1/2 | 1 | Kotak TNB |
| JUMLAH | | 115 | |

TAHUN 2023

| BIL. | NAMA JALAN | BIL. PETAK KERETA DIHAPUS | SEBAB PETAK DIHAPUS |
|---------------|---|----------------------------------|--|
| 1. | Lebuh Cannon | 2 | Ditukar ke petak motosikal |
| 2. | Gat Lebuh Armenian | 1 | Ditukar ke petak motosikal |
| 3. | Jalan servis di sebelah Jalan Paya Terubong | 2 | Kotak TNB |
| 4. | Lengkok Mayang Pasir | 1 | Pili bomba |
| 5. | Jalan servis di sebelah Jalan Perak | 2 | Pemasangan <i>bollard</i> |
| 6. | Jalan Stesen Bukit Bendera | 1 | Ditukar ke petak motosikal |
| 7. | Jalan servis di sebelah Jalan Balik Pulau | 2 | Petak OKU |
| 8. | Lebuh Noordin | 1 | Laluan |
| 9. | Persiaran Gurney | 27 | Projek Gurney Wharf |
| 10. | Tempat Letak Kereta Pasar Tg Bungah | 1 | Susun atur |
| 11. | Jalan Lim Lean Teng | 5 | Ruang menunggu pelajar sekolah |
| 12. | Jalan servis di sebelah Jalan Dato' Ismail Hashim | 1 | Susun atur |
| 13. | Pengkalan Weld | 14 | Tidak sesuai berikutan jalan sempit |
| 14. | Lorong Aboo Sittee | 1 | Laluan |
| 15. | Jalan Timah | 1 | Pembinaan |
| 16. | Lebuh Kampung Jawa | 4 | Ketidaksesuaian petak untuk kelancaran aliran trafik |
| 17. | Jalan servis di sebelah Jalan Dato Ismail Hashim | 2 | Laluan lorong tepi |
| 18. | Jalan Burma | 3 | Perhentian bas |
| JUMLAH | | 71 | |

TAHUN 2024

| BIL. | NAMA JALAN | BIL. PETAK KERETA DIHAPUS | SEBAB PETAK DIHAPUS |
|---------------|--|---------------------------|-----------------------------|
| 1. | Jalan servis di sebelah Jalan Fettes | 1 | Laluan dari jejantas |
| 2. | Jalan servis di sebelah Jalan Sungai Dua | 8 | <i>Zebra line</i> |
| 3. | Jalan servis di sebelah Jalan Trengganu | 1 | <i>Tagging</i> penjaja |
| 4. | Lebuh Union | 2 | Laluan keluar bangunan baru |
| 5. | Lebuh Queen | 1 | <i>Tagging</i> penjaja |
| JUMLAH | | 13 | |

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XIII)3

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENKALAN KOTA
YB WONG YUEE HARNG**

3. Adakah PBT berhasrat untuk memperkenalkan kadar baru atau polisi baru terhadap petak parkir dalam masa terdekat?
 - (a) Jika ya, nyatakan rancangan dengan infomasi berkaitan, termasuk kadar baru, tarikh pelaksanaan dan cara pelaksanaan.

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

3. Setakat ini, Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) masih dalam peringkat kajian bagi pelaksanaan kadar baharu atau polisi baharu terhadap petak parkir.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XIII)4

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENGKALAN KOTA
YB WONG YUEE HARNG**

4. Permukaan jalan raya di dalam kawasan Hospital Pulau Pinang dan juga beberapa klinik kesihatan di negeri Pulau Pinang adalah kurang memuaskan.

(a) Adakah jalan raya ini akan diturap semula dalam masa terdekat?

**YB GOOI ZI SEN
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

4. (a) Hospital Pulau Pinang (HPP) telah merancang bagi menaik taraf semula jalan-jalan yang terdapat di dalam kawasan hospital secara berfasa. Pada tahun 2020, pihak hospital telah mengambil inisiatif untuk menaik taraf jalan di dalam kawasan hospital namun terdapat kekangan dari segi peruntukan untuk memperbaiki jalan-jalan tersebut. Walau bagaimanapun, pihak konsesi HPP telah mengambil tindakan dengan menyelenggara beberapa jalan yang didapati berada dalam keadaan tidak baik. Justeru itu, pihak HPP merancang untuk menaiktaraf dengan menurap semula keseluruhan jalan di dalam kawasan hospital secara berfasa dengan memohon peruntukan mengikut anggaran kos bagi kerja-kerja pembaikan jalan yang telah dicadangkan oleh pihak konsesi seperti berikut:

| Fasa | Perancangan Naik Taraf Jalan | Anggaran Harga (RM) |
|---------------|---|----------------------------|
| 1 | Jalan dari pintu masuk Bangunan Kompleks Rawatan Harian (ACC) ke Stor Integrasi termasuk parkir hadapan foyer B dan Jabatan Pesakit Luar. | 341,159.82 |
| 2 | Jalan dari bawah Bangunan Kompleks Rawatan Harian (ACC) ke pintu keluar Blok A termasuk parkir hadapan <i>Blood Bank</i> | 196,903.00 |
| 3 | Jalan dari antara Jabatan Sajian dan Blok C ke simpang bersebelahan Stor Integrasi dan parkir hadapan Jabatan Pesakit Luar. | 120,161.20 |
| JUMLAH | | 658,224.02 |

Seterusnya, bagi klinik-klinik kesihatan, penyelenggaraan dan penurapan jalan akan dilaksanakan tertakluk kepada peruntukan.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XIII)5

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENKALAN KOTA
YB WONG YUEE HARNG**

5. Adakah MBPP masih mempraktikkan polisi setiap premis sebuah tong sampah?
- (a) Nyatakan tempat yang paling sesuai untuk meletak tong sampah oleh pemilik premis.
 - (b) Adakah ia tertunjuk dalam Pelan Pembangunan sesebuah premis tersebut?
 - (c) Bolehkah tong sampah itu diletakkan di kaki lima, siar kaki ataupun atas jalan raya dan lorong belakang?

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

5. Pihak Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) masih mempraktikkan polisi sebuah tong sampah di setiap premis kerana memudahkan pihak MBPP menjalankan perkhidmatan pungutan sampah secara berjadual. Tempat pungutan yang disediakan tersebut boleh menampung sisa pepejal harian yang dijana termasuklah kemudahan kepada penghuni premis untuk melakukan aktiviti pengasingan sisa di punca.
- (a) Tempat paling sesuai untuk meletakkan tong sampah adalah di tempat yang mudah diakses untuk membuang sisa pepejal, kawasan yang tiada halangan bagi perkhidmatan pungutan sisa dan mengambil kira faktor keselamatan semasa proses pungutan.

- (b) Bagi setiap Pelan Pembangunan baharu dalam Pelan Kebenaran Merancang, MBPP telah mensyaratkan keperluan penyediaan tempat atau pusat pungutan sisa pepejal seperti berikut:
- (i) **Perumahan bertingkat** - penyediaan pusat sampah bagi sisa domestik, sisa pukal serta kebun dan sisa kitar semula; dan
 - (ii) **Perumahan bertanah dan komersial** - penyediaan tempat pungutan sampah bagi sisa domestik dan sisa kitar semula.
- (c) Kedudukan tong sampah bagi setiap premis perlulah mudah diakses oleh penghuni bagi membuang sisa pepejal serta tidak menghalang laluan bagi memudahkan proses pungutan sisa dilaksanakan. Kedudukan tong sampah juga hendaklah berada dalam kawasan sempadan premis sama ada di luar atau di dalam premis. Penghuni juga perlu mengeluarkan tong sampah tersebut semasa proses kutipan dilaksanakan di sesuatu kawasan mengikut jadual yang ditetapkan.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XIII)6

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENKALAN KOTA
YB WONG YUEE HARNG**

6. Senaraikan semua premis dan tanah yang kini masih dikosongkan di bawah MBPP mengikut kategori kegunaan masing-masing.
- (a) Apakah rancangan MBPP terhadap kesemua yang tersenarai?
 - (b) Adakah kesemua ini boleh dimohon oleh orang awam untuk disewa atau dipajak?
 - (c) Jika ya, nyatakan kadar sewaan, cara dan proses permohonan.

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

6. Terdapat sebanyak 92 buah premis dan 10 lot tanah yang masih kosong di bawah kawasan seliaan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP). Senarai terperinci premis dan lot tanah yang terlibat adalah seperti di **LAMPIRAN A**.
- (a) MBPP merancang untuk membuat penyewaan dan pajakan bagi premis / lot tanah yang masih kosong serta penjualan bagi premis di Taman Sri Pinang.
 - (b) Ya, orang awam boleh membuat permohonan sewaan atau pajakan bagi mana-mana premis / lot tanah milik MBPP yang masih kosong.
 - (c) Kadar sewaan bagi premis di Taman Sri Pinang akan dikenakan berdasarkan caj perkhidmatan / penggunaan sahaja. Kadar pajakan tanah RIBI telah ditetapkan dengan kadar minimum sebanyak RM50.00 sebulan bersamaan RM600.00 setahun

manakala kadar sewaan bagi tanah yang diiklankan adalah berdasarkan nilai sewa pasaran semasa. Keterangan lanjut penyewaan boleh didapati melalui laman sesawang rasmi MBPP iaitu **www.mbpp.gov.my** serta di papan notis Tingkat 3, KOMTAR. Permohonan boleh dibuat terus kepada pihak MBPP untuk pertimbangan.

**SENARAI PREMIS KOSONG MILIK
MAJLIS BANDARAYA PULAU PINANG**

| BIL | LOT NO / UNIT NO | LOKASI | KEGUNAAN |
|------------|-----------------------------|------------------|-----------------|
| 1 | 1-1-75 | Taman Sri Pinang | Kedai |
| 2 | 1-1-76 | Taman Sri Pinang | Kedai |
| 3 | 1-1-77 | Taman Sri Pinang | Kedai |
| 4 | 1-1-78 | Taman Sri Pinang | Kedai |
| 5 | 1-1-79 | Taman Sri Pinang | Kedai |
| 6 | 1-1-82 | Taman Sri Pinang | Kedai |
| 7 | 1-1-83 | Taman Sri Pinang | Kedai |
| 8 | 1-1-84 | Taman Sri Pinang | Kedai |
| 9 | 1-1-86 | Taman Sri Pinang | Kedai |
| 10 | 1-1-93 | Taman Sri Pinang | Kedai |
| 11 | 1-2-31 | Taman Sri Pinang | Kedai |
| 12 | 1-2-36 | Taman Sri Pinang | Kedai |
| 13 | 1-2-44 | Taman Sri Pinang | Kedai |
| 14 | 1-2-46 | Taman Sri Pinang | Kedai |
| 15 | 1-2-58 | Taman Sri Pinang | Kedai |
| 16 | 1-2-60 | Taman Sri Pinang | Kedai |
| 17 | 1-2-64 | Taman Sri Pinang | Kedai |
| 18 | 1-2-68 | Taman Sri Pinang | Kedai |
| 19 | 1-2-69 | Taman Sri Pinang | Kedai |
| 20 | 1-2-70 | Taman Sri Pinang | Kedai |
| 21 | 1-2-71 | Taman Sri Pinang | Kedai |
| 22 | 1-2-72 | Taman Sri Pinang | Kedai |
| 23 | 1-2-73 | Taman Sri Pinang | Kedai |
| 24 | 1-2-75 | Taman Sri Pinang | Kedai |
| 25 | 1-2-77 | Taman Sri Pinang | Kedai |
| 26 | 1-2-78 | Taman Sri Pinang | Kedai |
| 27 | 1-2-82 | Taman Sri Pinang | Kedai |
| 28 | 1-2-83 | Taman Sri Pinang | Kedai |
| 29 | 1-2-84 | Taman Sri Pinang | Kedai |
| 30 | 1-2-85 | Taman Sri Pinang | Kedai |
| 31 | 1-2-87 | Taman Sri Pinang | Kedai |
| 32 | 1-2-88 | Taman Sri Pinang | Kedai |
| 33 | 1-2-89 | Taman Sri Pinang | Kedai |
| 34 | 1-2-90 | Taman Sri Pinang | Kedai |
| 35 | 1-2-91 | Taman Sri Pinang | Kedai |
| 36 | 1-2-92 | Taman Sri Pinang | Kedai |
| 37 | 1-2-93 | Taman Sri Pinang | Kedai |
| 38 | 28-1-24 | Taman Sri Pinang | Kedai |
| 39 | 28-1-25 | Taman Sri Pinang | Kedai |

| BIL | LOT NO / UNIT NO | LOKASI | KEGUNAAN |
|------------|-------------------------|------------------|-----------------|
| 40 | 28-1-34 | Taman Sri Pinang | Kedai |
| 41 | 28-1-35 | Taman Sri Pinang | Kedai |
| 42 | 28-1-36 | Taman Sri Pinang | Kedai |
| 43 | 28-1-39 | Taman Sri Pinang | Kedai |
| 44 | 28-1-40 | Taman Sri Pinang | Kedai |
| 45 | 28-1-42 | Taman Sri Pinang | Kedai |
| 46 | 28-1-45 | Taman Sri Pinang | Kedai |
| 47 | 28-1-46 | Taman Sri Pinang | Kedai |
| 48 | 28-1-47 | Taman Sri Pinang | Kedai |
| 49 | 28-1-48 | Taman Sri Pinang | Kedai |
| 50 | 28-1-49 | Taman Sri Pinang | Kedai |
| 51 | 28-1-50 | Taman Sri Pinang | Kedai |
| 52 | 28-1-51 | Taman Sri Pinang | Kedai |
| 53 | 28-1-52 | Taman Sri Pinang | Kedai |
| 54 | 28-1-53 | Taman Sri Pinang | Kedai |
| 55 | 28-1-55 | Taman Sri Pinang | Kedai |
| 56 | 28-1-57 | Taman Sri Pinang | Kedai |
| 57 | 28-2-18 | Taman Sri Pinang | Kedai |
| 58 | 28-2-19 | Taman Sri Pinang | Kedai |
| 59 | 28-2-20 | Taman Sri Pinang | Kedai |
| 60 | 28-2-21 | Taman Sri Pinang | Kedai |
| 61 | 28-2-24 | Taman Sri Pinang | Kedai |
| 62 | 28-2-25 | Taman Sri Pinang | Kedai |
| 63 | 28-2-26 | Taman Sri Pinang | Kedai |
| 64 | 28-2-27 | Taman Sri Pinang | Kedai |
| 65 | 28-2-28 | Taman Sri Pinang | Kedai |
| 66 | 28-2-29 | Taman Sri Pinang | Kedai |
| 67 | 28-2-30 | Taman Sri Pinang | Kedai |
| 68 | 28-2-32 | Taman Sri Pinang | Kedai |
| 69 | 28-2-35 | Taman Sri Pinang | Kedai |
| 70 | 28-2-37 | Taman Sri Pinang | Kedai |
| 71 | 28-2-38 | Taman Sri Pinang | Kedai |
| 72 | 28-2-39 | Taman Sri Pinang | Kedai |
| 73 | 28-2-40 | Taman Sri Pinang | Kedai |
| 74 | 28-2-41 | Taman Sri Pinang | Kedai |
| 75 | 28-2-42 | Taman Sri Pinang | Kedai |
| 76 | 28-2-43 | Taman Sri Pinang | Kedai |
| 77 | 28-2-44 | Taman Sri Pinang | Kedai |
| 78 | 28-2-45 | Taman Sri Pinang | Kedai |
| 79 | 28-2-46 | Taman Sri Pinang | Kedai |
| 80 | 28-2-47 | Taman Sri Pinang | Kedai |
| 81 | 28-2-48 | Taman Sri Pinang | Kedai |
| 82 | 28-2-49 | Taman Sri Pinang | Kedai |
| 83 | 28-2-50 | Taman Sri Pinang | Kedai |

| BIL | LOT NO / UNIT NO | LOKASI | KEGUNAAN |
|------------|-----------------------------|------------------|-----------------|
| 84 | 28-2-51 | Taman Sri Pinang | Kedai |
| 85 | 28-2-52 | Taman Sri Pinang | Kedai |
| 86 | 28-2-53 | Taman Sri Pinang | Kedai |
| 87 | 28-2-54 | Taman Sri Pinang | Kedai |
| 88 | 28-2-55 | Taman Sri Pinang | Kedai |
| 89 | 28-2-56 | Taman Sri Pinang | Kedai |
| 90 | 28-2-57 | Taman Sri Pinang | Kedai |
| 91 | 28-2-58 | Taman Sri Pinang | Kedai |
| 92 | 28-2-59 | Taman Sri Pinang | Kedai |

**SENARAI TANAH KOSONG MILIK MAJLIS BANDARAYA PULAU
PINANG (MBPP)**

| BIL | LOT NO / UNIT NO | LOKASI | KEGUNAAN |
|------------|---|--------------------------------|---|
| 1 | Lot 2807, Seksyen 2, Bandar Jelutong, DTL, Pulau Pinang | Jalan Grik / Jalan Sitiawan | Komersial |
| 2 | Lot 4792, Seksyen 5, Bandar George Town, DTL, Pulau Pinang | Lorong Delima 14 | Komersial |
| 3 | Lot 9471, Mukim 13, DTL, Pulau Pinang | Cangkat Bukit Gambir 2 | Komersial |
| 4 | Lot 11719, Mukim 12, DTL, Pulau Pinang | Solok Kekabu 2 | Komersial |
| 5 | Lot 1907, Mukim 11, DBD, Pulau Pinang | Jalan Sungai Batu | Tapak Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) |
| 6 | Lot 2420, Mukim 11, DBD, Pulau Pinang | Teluk Kumbar | Tapak Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) |
| 7 | Lot 10200, Mukim E, DBD, Pulau Pinang | Jalan Sungai Pinang | Tapak Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) |
| 8 | Lot 10123, Mukim F, DBD, Pulau Pinang | Sungai Burung | Tapak Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) |

| BIL | LOT NO / UNIT NO | LOKASI | KEGUNAAN |
|------------|---|-------------------------|---|
| 9 | Lot 590, Mukim G, DBD, Pulau Pinang | Jalan Sungai Nipah 6 | Tapak Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) |
| 10 | Lot 10050, Seksyen 1, Tanjung Tokong, DTL, Pulau Pinang | Jalan Tanjung Tokong | Tapak Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) |

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XIII)7

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENKALAN KOTA
YB WONG YUEE HARNG**

7. Senaraikan semua premis dan tanah yang kini masih dikosongkan di bawah PDC mengikut kategori kegunaan masing-masing.
- (a) Apakah rancangan PDC terhadap kesemua yang tersenarai?
 - (b) Adakah kesemua ini boleh dimohon oleh orang awam untuk disewa atau dipajak?
 - (c) Jika ya, nyatakan kadar sewaan, cara dan proses permohonan.

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

7. TANAH

- (a) Berdasarkan senarai rekod tanah Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC), terdapat sebanyak 3,792.78 ekar tanah yang masih kosong sehingga Mac 2024 mengikut kategori dan perancangan di Daerah Timur Laut (DTL), Daerah Barat Daya (DBD), Seberang Perai Tengah (SPT) dan Seberang Perai Selatan (SPS). Perincian maklumat adalah seperti di Lampiran **LAMPIRAN A**.
- (b) Terdapat beberapa tanah tertentu sahaja yang boleh dimohon secara terus dan terbuka.
- (c) Terdapat dua (2) kaedah untuk penggunaan tanah yang masih belum dibangunkan iaitu melalui penyewaan jangka masa pendek kurang daripada tiga (3) tahun dan melalui pajakan jangka panjang. Tatacara permohonan bagi kedua-dua kaedah adalah seperti di **LAMPIRAN B**.

TAMAN PERINDUSTRIAN

- (a) Terdapat tiga (3) taman perindustrian yang dibangunkan oleh PDC iaitu Taman Perindustrian Batu Kawan (BKIP), Taman Sains Pulau Pinang Utara (PSPN) dan Taman Teknologi Bandar Cassia (BCTP) untuk menarik pelabur yang berkualiti untuk mengembangkan operasi mereka di Pulau Pinang. Sehingga bulan April 2024, baki tanah bagi ketiga-tiga taman perindustrian tersebut adalah seperti berikut:

| Taman Perindustrian | Keluasan Keseluruhan (ekar) | Baki tanah (ekar) |
|----------------------------|------------------------------------|--------------------------|
| PSPN | 1151 | 47 |
| BKIP | 298 | 51 |
| BCTP | 303 | 186 |
| Jumlah | 1752 | 284 |

Selain daripada tanah di ketiga-tiga taman perindustrian tersebut, PDC kini hanya mempunyai empat (4) unit kosong bagi ruangan sewaan untuk kilang siap bina iaitu di Taman Perindustrian Bayan Lepas. Terdapat perbincangan bersama beberapa syarikat yang berminat untuk menyewa unit-unit kilang siap bina tersebut.

- (b) Tanah perindustrian dan unit kilang siap dibina ini boleh dimohon oleh syarikat yang terlibat dalam aktiviti perniagaan yang disokong di taman perindustrian tersebut.
- (c) Harga pembelian/pajakan untuk ketiga-tiga taman perindustrian tersebut adalah seperti berikut:

| Taman Perindustrian | Harga Jualan (RM skp) |
|----------------------------|------------------------------|
| PSPN | 65 |
| BKIP | 80 |
| BCTP | 85 |

Manakala, kadar sewaan bulanan bagi unit-unit di Taman Perindustrian Bayan Lepas adalah dari RM2.50 sekaki persegi sehingga RM5.20 sekaki persegi bergantung kepada keluasan dan lokasi unit. Permohonan untuk tanah industri atau unit kilang siap bina boleh dibuat dengan menghantar borang permohonan yang lengkap diisi bersama dokumen-dokumen yang berkaitan kepada Bahagian Perindustrian, PDC. Borang permohonan tersebut boleh dimuat turun daripada laman sesawang PDC iaitu di www.pdc.gov.my.

UNIT KOMERSIAL PDC

- (a) Terdapat kekosongan sebanyak 75 unit komersial di bawah PDC iaitu di KOMTAR (Blok Podium) sebanyak 73 unit, Kompleks Jalan Kedah dan The One, 1 Sky masing-masing mempunyai satu (1) kekosongan unit.
- (b) Kesemua kekosongan unit boleh dimohon oleh orang awam untuk sewaan melalui laman sesawang atau menghubungi terus pihak PDC.
- (c) Berikut adalah tatacara permohonan bagi penyewaan dan penjualan unit komersial PDC iaitu:
- (i) Mengemukakan permohonan kepada PDC secara manual atau atas talian. Dokumen perlu dikemukakan termasuk borang permohonan, salinan kad pengenalan pemohon, salinan sijil pendaftaran syarikat (SSM), borang CTOS, borang PDPA dan lain-lain dokumen yang berkaitan;
 - (ii) PDC akan membuat semakan maklumat pemohon dalam sistem CTOS;
 - (iii) Membentangkan ke peringkat Pengurusan PDC untuk kelulusan penyewaan atau penjualan unit yang dimohon; dan
 - (iv) Penyewaan atau penjualan unit ditawarkan melalui surat tawaran PDC kepada pemohon.
 - (v) Kadar penyewaan atau penjualan adalah seperti di **JADUAL 1**.

JADUAL 1: KADAR SEWAAN / JUALAN UNIT KOMERSIAL PDC

| PROJEK | JUMLAH UNIT KOSONG | KELUASAN (KAKI PERSEGI) | KADAR SEWAAN SEBULAN (RM) | HARGA JUALAN (RM) |
|----------------------------------|--------------------|-------------------------|---------------------------|---|
| KOMTAR (BLOK PODIUM) GEORGE TOWN | 73 | 150 – 11,055 | 637.00 – 33,716.93 | TIDAK DIBUKA UNTUK JUALAN (Sewaan Sahaja) |

| PROJEK | JUMLAH UNIT KOSONG | KELUASAN (KAKI PERSEGI) | KADAR SEWAAN SEBULAN (RM) | HARGA JUALAN (RM) |
|-----------------------------------|---------------------------|--------------------------------|----------------------------------|---|
| THE ONE, 1 SKY | 1 | 1,308 | 3,300.00 | TIDAK DIBUKA UNTUK JUALAN (Sewaan Sahaja) |
| KOMPLEKS JALAN KEDAH, GEORGE TOWN | 1 | 3,681 | 5,000.00 | 889,000.00 |

LAMPIRAN A

SENARAI GUNA TANAH PDC

| LOKASI | KELUASAN (ekar) | Cadangan Gunatanah |
|---|--------------------|--|
| Daerah Timur Laut (DTL) (Macallum, Komtar, Bayan Mutiara, Sungai Nibong, & Bukit Jambul & Pulau Jerejak) | 33.73 | Perumahan & Komersial |
| Daerah Barat Daya (DBD) (Bayan Baru, Batu Maung, Bayan Lepas & Permatang Damar Laut) | 100.89 | Perumahan, Logistik & Pembesaran Airport |
| Seberang Perai Tengah (SPT) (Perai, Bukit Tengah, Bandar Seberang, Bukit Minyak & <i>Penang Science Park North</i>) | 137.67 | Perindustrian & Perumahan |
| Seberang Perai Selatan (SPS) (Bandar Cassia, <i>Batu Kawan Industrial Park 2 (BKIP2)</i> , <i>Batu Kawan Industrial Park 3 (BKIP3)</i> & <i>Penang Science Park South</i>) | 3,520.49 | Perindustrian & Pembangunan Bercampur |
| Jumlah Keseluruhan | 3,792.78 | |

*Maklumat sehingga Mac 2024

TATACARA PERMOHONAN TANAH PDC

| PERMOHONAN SEWAAN TANAH PDC (JANGKA PENDEK ≤ 3 TAHUN) | |
|---|--|
| Perkara | Penerangan |
| Cara Permohonan | (i) Permohonan secara atas talian; (ii) Permohonan secara <i>walk in</i> (di pejabat); atau (iii) Permohonan secara surat. |
| Kadar Sewaan | Berdasarkan nilai Jabatan Penilaian & Perkhidmatan Harta (JPPH) dengan kadar tertakluk kepada: (i) Bulanan/ tempoh sewaan; dan (ii) Jenis Aktiviti / Kegunaan Tanah |
| Proses Permohonan | Pertimbangan melalui Jawatankuasa Pengurusan Tanah PDC |
| PERMOHONAN PAJAKAN TANAH PDC (JANGKA PANJANG > 3 TAHUN) | |
| Cara Permohonan | (i) Iklan tender terbuka di dalam media masa / secara atas talian di dalam laman sesawang PDC; atau (ii) Iklan secara berterusan secara atas talian di dalam laman sesawang PDC (jika tiada sambutan ketika tempoh tender terbuka) |
| Kadar Pajak | Berdasarkan nilai Jabatan Penilaian & Perkhidmatan Harta (JPPH) dengan kadar tertakluk kepada: (i) Tempoh pajak; dan (ii) Jenis Aktiviti / Kegunaan Tanah |
| Proses Permohonan | Pertimbangan kelulusan melalui: (i) Mesyuarat Lembaga Tawaran PDC sekiranya permohonan melalui Iklan tender terbuka. (ii) Mesyuarat Lembaga PDC sekiranya permohonan melalui atas talian yang diiklan secara berterusan setelah tamat tempoh iklan dan tiada sambutan ketika iklan secara terbuka. |

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XIII)8

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENKALAN KOTA
YB WONG YUEE HARNG**

8. Pihak manakah yang bertanggungjawab untuk mengendali dan menyelenggara pili bomba di tepi jalan?
- (a) Sekiranya berlakunya kebocoran dan perlu pembaikan, pihak manakah (PBA, PBT / Bomba) yang bertanggungjawab untuk menjalankan kerja pembaikan?
 - (b) Sekiranya kesemua pihak pun menuntut kerosakan tersebut bukan bawah tanggungjawab mereka, pihak manakah yang patut mengambil tindakan sewajarnya?

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

8. (a) Pihak yang bertanggungjawab untuk menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan sekiranya terdapat kerosakan yang berlaku pada pili bomba adalah seperti berikut:
- (i) Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBPM) adalah badan yang bertanggungjawab melaksanakan penyelenggaraan/pembaikan pili bomba awam melalui peruntukan sedia ada yang disalurkan kepada setiap JBPM Negeri.
 - (ii) Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) merupakan badan yang bertanggungjawab melaksanakan penyelenggaraan/pembaikan pili bomba awam di kawasan perumahan Program Perumahan Rakyat (PPR) dan Perumahan Awam (PA) yang tidak mempunyai Badan Pengurusan Bersama (JMB). Tanggungjawab penyelenggaraan/pembaikan pili bomba ini akan diambil alih oleh pihak JMB setelah JMB di kawasan PPR dan PA ditubuhkan.

- (iii) Perbadanan Bekalan Air (PBA) pula bertanggungjawab untuk melaksanakan penyelenggaraan/pembaikan hanya pada bahagian sistem perpaipan sebelum injap yang bersambung ke pili bomba;
 - (iv) Pemilik premis bertanggungjawab melaksanakan penyelenggaraan/pembaikan pili bomba di kawasan premis persendirian.
- (b) Sekiranya terdapat masalah kerosakan pili bomba yang belum diambil tindakan, laporan boleh dihantar ke Bahagian Operasi Negeri, Ibu Pejabat JBPM untuk tindakan selanjutnya.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XIII)9

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENKALAN KOTA
YB WONG YUEE HARNG**

9. Adakah caj meter PBA bagi kekili hos api di Jeti Clan, Pengkalan Weld boleh dikecualikan memandangkan tanah tersebut milikan tanah kerajaan?
- (a) Sekiranya tidak boleh, bolehkah caj nominal sahaja dikenakan?
- (b) Adakah Pejabat Daerah sebagai tuan tanah patut bertanggungjawab untuk membayar bil PBA tersebut demi keselamatan asas di Jeti Clan?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

9. Caj meter yang dikenakan oleh Perbadanan bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) bagi kekili hos api di Jeti Clan, Pengkalan Weld tidak boleh dikecualikan melainkan untuk sesalur induk bagi rumah kos rendah atau rumah ibadat. Selain itu, melalui maklum balas daripada Pejabat Tanah dan Daerah Timur Laut (PDT DTL) juga telah menyatakan bahawa untuk rekod, istilah “tanah milik kerajaan” adalah tidak tepat untuk menggambarkan kawasan Jeti Clan memandangkan kawasan tersebut adalah “tanah kerajaan” dengan sebahagian besarnya telah dilupuskan oleh Pihak Berkuasa Negeri melalui Lesen Pendudukan Sementara kepada pemilik-pemilik struktur di kawasan tersebut.
- (a) Sehingga kini caj yang dikenakan oleh PBAPP adalah caj minimum sebanyak RM15.70 merujuk kepada kadar tarif baharu yang berkuatkuasa pada 1 Februari 2024 bagi kategori bukan domestik seperti di **LAMPIRAN A**.

- (b) Semakan juga telah dibuat melalui PDT DTL dan berpandangan bahawa Pejabat Daerah tidak patut membuat pembayaran berdasarkan kepada prinsip undang-undang di bawah seksyen 40 Kanun Tanah Negara seperti di **LAMPIRAN A**, pejabat daerah bukan pemilik tanah kerajaan. Sekiranya perkara ini hendak dipertimbangkan oleh Kerajaan Negeri, suatu dasar berkaitan pengenaan caj utiliti seperti ini hendaklah digubal bagi membolehkan perkara berikut dilaksanakan.



PBA
 Perbadanan Bekalan Air
 Pulau Pinang Sdn Bhd
 199901001061 (475961-X)

Memenuhi segala keperluan bekalan air anda
 Meeting all your water supply needs

TARIFF AIR PULAU PINANG
 (Dari 1 Februari 2024)

| Kategori | Jalur | Kadar RM |
|------------------------------------|------------|----------|
| Domestik (Meter Individu) | 0 - 20m | 0.62 |
| | >20 - 35m | 1.17 |
| | >35m | 2.07 |
| | Caj Minima | 6.20 |
| Rumah Ibadat & Insitutsi Kebajikan | Kadar Rata | 0.67 |
| | Caj Minima | 6.70 |
| Domestik (Meter Pukal) | Kadar Rata | 1.73 |
| | Caj Minima | 17.30 |
| Bukan Domestik | 0 - 35m | 1.57 |
| | >35m | 2.17 |
| | Caj Minima | 15.70 |
| Perkapalan | Kadar Rata | 7.07 |
| | Caj Minima | 70.70 |

Borang Permohonan Rebat Mesra Keluarga

Permohonan hanya boleh dilakukan untuk isi rumah yang melebihi 8 orang penduduk dan pendapatan isi rumah tidak melebihi RM2,250.00.



Level 32 , KOMTAR, Jalan Penang, 10000 George Town, Pulau Pinang, Malaysia.
 Call Centre (24 hours): 04-255 8 255

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XIII)10

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENKALAN KOTA
YB WONG YUEE HARNG**

10. Apakah punca utama gangguan bekalan elektrik yang kerap berlaku di kawasan George Town khususnya Jalan C.Y. Choy dan Jalan Magazine?
- (a) Apakah tindakan yang diambil oleh pihak TNB untuk mengatasi masalah ini?
 - (b) Bilakah masalah ini dapat diselesaikan tanpa gangguan bekalan elektrik lagi?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

10. Punca utama yang menyebabkan berlakunya gangguan bekalan elektrik di Jalan C.Y. Choy adalah kerosakan kabel voltan rendah. Manakala, gangguan bekalan elektrik yang berlaku di Jalan Magazine adalah disebabkan oleh kerosakan sesalur kaki lima. Kedua-dua kerosakan yang berlaku di Jalan C.Y. Choy dan Jalan Magazine ini adalah disebabkan oleh peningkatan beban elektrik di kawasan tersebut.
- (a) Bagi masalah kerosakan kabel voltan rendah di Jalan C.Y. Choy, Tenaga Nasional Berhad (TNB) kini sedang melaksanakan kerja-kerja penaiktarafan sistem bekalan sedia ada di kawasan tersebut. TNB juga kini sedang melaksanakan kerja-kerja pengimbangan beban dan penaiktarafan sesalur kaki lima di Jalan Magazine.

- (b) Kerja-kerja penaiktarafan sistem bekalan sedia ada di Jalan C.Y. Choy dijangka siap pada bulan September 2024 manakala kerja-kerja pengimbangan beban dan penaiktarafan sesalur kaki lima di Jalan Magazine dijangka siap dilaksanakan pada bulan Ogos 2024.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XIII)11

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENKALAN KOTA
YB WONG YUEE HARNG**

11. Apakah status penawaran RMM bagi projek Sandilands Foreshore?
- (a) Nyatakan bilangan unit rumah yang dibekalkan mengikut kategori RMM.
 - (b) Nyatakan jumlah bilangan keluarga / individu yang menerima perintah pindah oleh projek tersebut.
 - (c) Berapakah antara mereka ditawarkan rumah bawah projek pembangunan ini?

**YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

11. Projek pembangunan Rumah Mampu Milik (RMM) Sandilands Foreshore atau juga dikenali sebagai Foreshore Residence ini dibangunkan di atas tanah seluas 4.23 ekar milik Kerajaan Negeri dan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) telah dilantik sebagai Pengurus Projek. Pembangunan ini mempunyai dua (2) *parcel* pembangunan iaitu *Parcel 1* yang terdiri daripada satu (1) blok bangunan bercampur 50 tingkat yang mengandungi 402 unit RMM C3 bersaiz 900 kaki persegi (kps), 80 unit RMM C2 bersaiz 800kps dan 192 unit Pangsapuri Perkhidmatan. Manakala *Parcel 2* pula terdiri daripada satu (1) blok 38 tingkat yang mengandungi 321 unit RMM B bersaiz 750kps. Sehingga tarikh berakhir 30 April 2024, status penawaran bagi unit-unit RMM tersebut adalah seperti **JADUAL 1** berikut:

| Bil. | Komponen | Jumlah unit | Penawaran | Baki unit |
|------|---------------|-------------|------------|---------------------------|
| 1. | RMM B | 321 | 273 | 48 (penerima pampasan) |
| 2. | RMM C2 | 80 | 80 | - |
| 3. | RMM C3 | 402 | 318 | 84 |
| | Jumlah | 803 | 671 | 132 |

JADUAL 1: Status penawaran unit-unit RMM di Projek Sandilands Foreshore.

- (a) Keseluruhan projek Sandilands Foreshore ini akan membekalkan 803 unit RMM iaitu terdiri daripada 321 unit RMM B bersaiz 750kps, 80 unit RMM C2 bersaiz 800kps dan 402 unit RMM C3 bersaiz 900kps.
- (b) Mengikut rekod yang diterima daripada pihak PDC selaku Pengurus Projek, jumlah individu yang menerima perintah pindah lanjutan dari pelaksanaan projek ini adalah seramai 51 orang individu yang akan menerima unit gantian RMM B secara percuma. Senarai nama mereka yang terlibat telah disemak dan disahkan oleh Pejabat Daerah dan Tanah Daerah Timur Laut (PDT DTL) berdasarkan Perjanjian Pampasan (*Compensation Agreement - CA*) yang ditandatangani.
- (c) Sehingga tarikh berakhir 30 April 2024, hanya tiga (3) orang individu sahaja (daripada keseluruhan 51 orang individu yang terlibat) yang telah ditawarkan unit RMM B. Kerajaan Negeri melalui Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP) dan PDC sentiasa mengingatkan individu yang menerima perintah pindah supaya segera mendaftar permohonan atau mengemas kini data permohonan lama yang berada di dalam senarai tidak aktif bagi membolehkan proses pemilihan dan penawaran kepada mereka dapat dilaksanakan. Proses tawaran kepada baki individu ini hanya boleh dijalankan sekiranya individu tersebut telah membuat pendaftaran atau berada dalam senarai pemohon yang aktif di dalam Sistem Maklumat Perumahan (SMP) yang dikawal selia oleh LPNPP.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XIII)12

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENKALAN KOTA
YB WONG YUEE HARNG**

12. Apakah status penawaran RMM bagi projek Cecil Residence?
- (a) Nyatakan bilangan unit rumah yang dibekalkan mengikut kategori RMM.
 - (b) Nyatakan jumlah bilangan keluarga / individu yang menerima perintah pindah oleh projek tersebut
 - (c) Berapakah antara mereka ditawarkan rumah bawah projek pembangunan ini?

**YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

12. Projek pembangunan perumahan Cecil Residence atau juga dikenali sebagai Rumah Mampu Milik (RMM) Pintasan Cecil ini dibangunkan di atas tanah seluas 2.059 ekar milik Kerajaan Negeri yang terdiri daripada satu (1) blok 24 tingkat mengandungi 348 unit RMM B (sebelum ini dikenali sebagai rumah kos sederhana rendah) bersaiz 700 kaki persegi (kps). Projek ini dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri dan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) telah dilantik sebagai agensi pelaksana. Projek ini dibangunkan oleh Kerajaan Negeri sebagai penempatan semula kepada penduduk sedia ada di kawasan Pintasan Cecil dan Weld Quay, selain menyediakan perumahan mampu milik untuk rakyat. Penawaran bagi projek ini akan dilaksanakan setelah mendapat permohonan daripada pihak PDC selaku agensi pelaksana dan senarai akhir yang telah dimuktamadkan.

- (a) Projek Cecil Residence ini akan membekalkan sebanyak 348 unit RMM B bersaiz 700kps.
- (b) Mengikut rekod yang diterima daripada pihak PDC selaku agensi pelaksana, jumlah individu yang menerima perintah pindah lanjutan dari pelaksanaan projek ini adalah seramai sepuluh (10) orang individu. Senarai nama ini juga telah disemak dan disahkan oleh Pejabat Daerah dan Tanah Daerah Timur Laut (PDT DTL). Satu Perjanjian Pampasan (*Compensation Agreement* - CA) antara Kerajaan Negeri dan individu yang terlibat telah ditandatangani. Dalam tempoh projek ini dibangunkan, penduduk-penduduk ini perlu menyewa di penempatan lain dan Kerajaan Negeri akan menanggung kos sewaan tersebut.
- (c) Proses penawaran kepada individu yang terlibat hanya boleh dijalankan setelah mendapat permohonan daripada pihak PDC dan hala tuju penawaran dimuktamadkan serta individu tersebut telah membuat pendaftaran atau berada dalam senarai pemohon yang aktif di dalam Sistem Maklumat Perumahan (SMP) yang dikawal selia oleh Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP). Kerajaan Negeri melalui LPNPP dan PDC sentiasa menyeru dan memperingati individu yang menerima perintah pindah supaya mendaftar permohonan atau mengemas kini permohonan lama yang berada di dalam senarai tidak aktif bagi membolehkan proses pemilihan dan penawaran dapat dilaksanakan.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XIII)13

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENKALAN KOTA
YB WONG YUEE HARNG**

13. Nyatakan kos perbelanjaan tahunan yang telah diguna pakai untuk menyelenggara taman rekreasi JPS di Kolam Takungan Banjir S18.
- (a) Keadaan di taman rekreasi kini adalah kurang memuaskan, adakah JPS berhasrat untuk menaik taraf taman rekreasi tersebut?
 - (b) Nyatakan rancangan dan anggaran kos untuk menaik taraf taman rekreasi tersebut.

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

13. Penyelenggaraan tahunan bagi taman rekreasi Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) di Kolam Takungan Banjir S18 melibatkan kerja pemotongan rumput dengan kos sebanyak RM5,500.00 setahun. Kerja pembaikan kecil akan dilaksanakan mengikut keperluan semasa.
- (a) JPS Daerah Timur Laut (DTL) mempunyai perancangan untuk menaik taraf taman rekreasi tersebut. JPS DTL kini sedang dalam penyediaan kertas kerja untuk permohonan peruntukan bagi melaksanakan kerja tersebut.
 - (b) Cadangan penaiktarafan taman rekreasi tersebut melibatkan kerja menaik taraf sistem perparitan dalaman dan menambah baik peralatan rekreasi dengan anggaran kos sebanyak RM300,000.00.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XIII)14

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENGKALAN KOTA
YB WONG YUEE HARNG**

14. Lampu hiasan (lantern) *Hot Air Balloon* di Taman Arkeologi Sia Boey merupakan satu unsur yang menarik pengunjung ke tapak tersebut.
- (a) Adakah lampu hiasan yang sudah rosak di tapak akan diganti baru?
 - (b) Adakah program *Hot Air Balloon Festival* akan diadakan lagi pada masa depan?

**YB WONG HON WAI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

14. (a) Keseluruhan lampu hiasan sedia ada telah diganti dengan yang baharu oleh kontraktor Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) pada bulan Disember 2023. Kerajaan Negeri melalui Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) secara berterusan menyelia perkara ini dari segi penyelenggaraan melalui kontraktor yang telah dilantik.
- (b) Kerajaan Negeri akan mempertimbangkan penganjuran program '*Hot Air Balloon Festival*' pada masa depan sekiranya terdapat lokasi bersesuaian, perancangan serta sumber kewangan yang mencukupi.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XIII)15

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENKALAN KOTA
YB WONG YUEE HARNG**

15. Penang Science Fair telah mencungkil bakat-bakat sains di kalangan pemuda dan pelajar.
- (a) Huraikan jumlah perbelanjaan tahunan serta perbelanjaan dalam memperkasakan bidang sains sejak tahun 2008.
 - (b) Apakah strategi Kerajaan Negeri untuk memastikan rantai bekalan bakat-bakat sains/kejuruteraan ini cukup menampung permintaan Lembah Silikon di Pulau Pinang?

**YB JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

15. (a) Penang International Science Fair (PISF) merupakan sebuah program yang menyediakan pelbagai aktiviti *hands on* kepada pengunjung dengan puluhan pameran industri, bengkel-bengkel STEM di samping pelbagai pertandingan sains dan teknologi yang menarik. Penganjuran PISF merupakan salah satu kejayaan Kerjasama Awam Swasta atau *Public Private Partnership* (PPP) di negeri Pulau Pinang. Hal ini dibuktikan melalui sokongan dari segi peruntukan penganjuran PISF bahkan turut bersama-sama menjayakan PISF sebagai sukarelawan. Perbelanjaan PISF pada tahun 2022 adalah sebanyak RM350,000.00 manakala pada tahun 2023 adalah sebanyak RM600,000.00.
- (b) Untuk memastikan rantai bekalan bakat-bakat sains dan kejuruteraan mencukupi bagi memenuhi permintaan di Lembah Silikon Pulau Pinang, Kerajaan Negeri telah mengambil beberapa langkah proaktif. Antaranya:

(i) **Agensi dan Inisiatif STEM**

Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah menubuhkan beberapa agensi yang berfokus dalam pendidikan STEM, antaranya Penang STEM 4.0, Tech Dome Penang, *Penang Science Cluster*, dan *Penang Math Platform*. Agensi-agensi ini memainkan peranan penting dalam menyediakan sumber dan platform pembelajaran bagi pelajar yang berminat dalam bidang STEM.

(ii) **Fokus Daerah Seberang Perai dan Barat Daya**

Usaha untuk meningkatkan minat pelajar dalam bidang STEM akan diperluaskan ke daerah Seberang Perai dan Barat Daya. Ini termasuk program-program seperti bengkel STEM oleh Tech Dome Penang yang akan diadakan di sekolah-sekolah kawasan tersebut, serta penganjuran STEM *Showcase* sebagai Promosi dan Kesedaran Awam di dua lokasi – satu di pulau dan satu lagi di SPS. Ini akan memberi lebih banyak peluang kepada pelajar dari kedua-dua daerah untuk terlibat dalam aktiviti STEM. STEM *Showcase* telah melibatkan melebihi 20,000 pelajar setiap tahun.

(iii) **Kerjasama dengan Industri**

Menjalinkan kerjasama strategik dengan syarikat-syarikat teknologi di Lembah Silikon Pulau Pinang untuk menawarkan program latihan industry dan mendorong industri membina pusat latihan/universiti dalam industri. Syarikat-syarikat ini boleh memberikan input mengenai kemahiran yang diperlukan dan membantu membentuk kurikulum yang relevan.

(iv) **Program Latihan Guru**

Meningkatkan latihan dan pembangunan profesional untuk guru-guru STEM di sekolah-sekolah. Dengan membekalkan guru-guru dengan kemahiran dan pengetahuan terkini dalam bidang STEM, mereka dapat memberikan pendidikan yang lebih berkesan dan inspiratif kepada pelajar.

(v) **Penggunaan Teknologi dalam Pendidikan**

Mengintegrasikan teknologi canggih seperti AI4S (*AI for Schools*) dan *Smart Board*. Ini boleh meningkatkan minat dan

keterlibatan pelajar dengan menggunakan pendekatan yang lebih interaktif dan menarik.

Dengan strategi dan cadangan ini, Kerajaan Negeri Pulau Pinang boleh memastikan rantai bekalan bakat dalam bidang sains dan kejuruteraan mencukupi untuk memenuhi permintaan industri teknologi yang berkembang pesat di Lembah Silikon Pulau Pinang.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XIII)16

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENKALAN KOTA
YB WONG YUEE HARNG**

16. Tanah kosong milik Kerajaan Negeri telah menimbulkan kacau ganggu.
- (a) Nyatakan pihak berkenaan yang patut menguruskan isu pokok di tanah kerajaan.
 - (b) Senaraikan bilangan pokok, lokasinya dan kos penyelenggaraan yang telah diuruskan di tanah kerajaan dalam KADUN Pengkalan Kota.
 - (c) Siapakah yang bertanggungjawab atas isu pokok di tanah tambun Lebuh raya Merdeka?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

16. (a) Mengikut “Garis Panduan Penetapan Tanggungjawab Penyelenggaraan Pokok dan Landskap” oleh Jabatan dan Agensi Kerajaan di Pulau Pinang yang berkuatkuasa 1 Ogos 2019 dan selaras dengan Minit Mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan Penyelenggaraan Infrastruktur antara Jabatan dan Agensi Kerajaan di Pulau Pinang Bilangan 2 tahun 2020 bertarikh 10 November 2020, tanggungjawab menyelenggara pokok dan tanah Kerajaan adalah di bawah tanggungjawab Pejabat Daerah dan Tanah (PDT). Penyelenggaraan pokok ini dilaksanakan di bawah peruntukan kecemasan. Manakala Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) akan bertanggungjawab ke atas pokok-pokok yang berada di bahu jalan dan di dalam kawasan tanah lapang.

- (b) Sebanyak 12 batang pokok dengan kos penyelenggaraan sebanyak RM36,683.20 telah diselenggara oleh PDT Timur Laut dan 579 batang pokok yang terletak di bahu jalan dan tanah lapang di KADUN Pengkalan Kota diselenggara oleh MBPP dengan anggaran kos penyelenggaraan sebanyak RM173,700.00 setahun.

- (c) Sekiranya tanah tambun di Lebuhraya Merdeka merupakan tanah Kerajaan (tidak termasuk tanah Lesen Pendudukan Sementara), tindakan penyelenggaraan adalah di bawah tindakan PDT Timur Laut.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XIII)17

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENKALAN KOTA
YB WONG YUEE HARNG**

17. Beberapa tanah milik Kerajaan Negeri merupakan jalan akses, contohnya lorong kecil antara Lebuhraya Tun Dr Lim Chong Eu dan Sri Saujana, dan Lintang Macallum Dua ke tanah tambun baru PBA.
- (a) Nyatakan agensi mana yang bertanggungjawab menyelenggara tanah dan jalan tersebut.
 - (b) Senaraikan kerja naik taraf jalan yang dijalankan dalam 10 tahun yang lepas.

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

17. (a) Jalan-jalan di atas simpanan jalan di Timur Laut adalah merupakan tanggungjawab di bawah Pejabat Daerah dan Tanah Timur Laut (PDTTL). Sekiranya jalan tersebut menepati piawaian MARRIS, ianya akan didaftarkan dan diselenggara menggunakan peruntukan MARRIS. Sekiranya tidak mematuhi piawaian MARRIS, jalan tersebut akan diselenggara menggunakan peruntukan negeri. Selain itu, Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) akan mengambil alih jalan raya bandaran yang telah memenuhi spesifikasi pendaftaran dan kelayakan jalan negeri yang ditetapkan dalam Garis Panduan Tatacara Pengurusan Pemberian Penyenggaraan Jalan Negeri untuk penyelenggaraan.
- (b) Senarai kerja naik taraf jalan yang dijalankan adalah seperti di **LAMPIRAN A** dan **LAMPIRAN B**.

LAMPIRAN A**KERJA NAIK TARAF JALAN YANG DIJALANKAN OLEH
PEJABAT DAERAH DAN TANAH TIMUR LAUT**

| BIL | NAMA PROJEK & TAHUN |
|------------|--|
| | PROJEK 2020 |
| 1 | Kerja-Kerja Pembinaan Longkang Di Tanah Tambun, Pengkalan Weld Serta Kerja-Kerja Berkaitan |
| 2 | Kerja-Kerja Menurap Semula Jalan Di Hadapan Persatuan Penganut Dewa Hong San Keong Dan Kerja-Kerja Berkaitan |
| 3 | Kerja-Kerja Menurap Semula Jalan Bersebelahan Persatuan Penganut Dewa Tai Por Kong Dan Kerja-Kerja Berkaitan |
| | PROJEK 2021 |
| 1 | Kerja-Kerja Membersih, Menaiktaraf Longkang Di Kawasan Tanah Tambun, Pengkalan Weld Serta Lain-Lain Kerja Yang Berkaitan |
| 2 | Kerja-Kerja Menampal Jalan Di Blok 42A, 42B Dan 42C, Pangsapuri Saujana Serta Kerja-Kerja Berkaitan |
| 3 | Kerja-Kerja Menurap Semula Jalan Bersebelahan Persatuan Penganut Dewa Xi Xi Fo Tan Dan Kerja-Kerja Berkaitan |
| 4 | Kerja-Kerja Menurap Semula Jalan Berhadapan Blok 346, Gat Lebu Macallum Dan Kerja-Kerja Berkaitan |
| 5 | Kerja-Kerja Pembersihan Tapak Di Gelanggang Futsal Tan Jati Dan Kerja-Kerja Berkaitan |
| | PROJEK 2022 |
| 1 | Kerja-Kerja Membersih, Menaiktaraf Longkang Di Kawasan Tanah Tambun, Pengkalan Weld Serta Lain-Lain Kerja Yang Berkaitan |
| 2 | Kerja-Kerja Menurap Jalan Di Kawasan Tanah Tambun, Pengkalan Weld Serta Lain-Lain Kerja Yang Berkaitan |

| SENARAI PENURAPAN JALAN TAHUN 2023 | |
|------------------------------------|---|
| BIL | NAMA JALAN |
| 1 | JALAN SULTAN AHMAD SHAH |
| 2 | LORONG KELAWAI & SOLOK KELAWAI 1 |
| 3 | TINGKAT KELAWAI & JALAN SERVIS JLN KELAWAI |
| 4 | JALAN HO TIANG WAN |
| 5 | LORONG MADRAS (JLN MACALISTER - JLN BURMA) |
| 6 | JALAN SERVIS JALAN JELUTONG |
| 7 | LEBUH HERRIOT |
| 8 | JALAN NANKING |
| 9 | JALAN KG JAWA BARU (JALAN GURDWARA - BANGUNAN JABATAN PENGUATKUASA) |
| 10 | JALAN GURDWARA (JALAN SUNGAI - JALAN KG JAWA BARU) |
| 11 | LORONG SWATOW |
| 12 | JALAN NAGORE |
| 13 | JALAN BAWASAH |
| 14 | LORONG ARGYLL |
| 15 | LEBUH CARNAVON (LEBUH ACHEH - LEBUH KIMBERLEY) |
| 16 | JALAN LARUT (PROTON - JALAN BURMA) |
| 17 | JALAN IRRAWADY (JALAN SERVIS - JALAN ARRATOON) |
| 18 | JLN ARGYLL (LORONG CEYLON - JALAN LARUT) |
| 19 | LEBUH KING (LEBUH CHINA - LEBUH LIGHT) |
| 20 | LEBUH GEREJA (LEBUH PANTAI - MASJID KAPITAN KELING) |
| 21 | PENKALAN WELD (LEBUH CHULIA - LEBUHRAYA MERDEKA) |
| 22 | JALAN MASJID KAPITAN KELING (LEBUH CHULIA - LEBUH FARQUHAR) |
| 23 | LEBUH LIGHT (LEBUH PANTAI - JALAN MASJID KAPITAN KELING) |
| 24 | TAMAN SCOTLAND |
| 25 | JALAN YORK (JALAN SCOTLAND - JALAN AYER ITAM) |
| 26 | JALAN UTAMA (JALAN RESIDENSI - KOMPLEKS MASYARAKAT PENYAYANG) |
| 27 | JALAN ROSS (JALAN YORK - JALAN UTAMA) |
| 28 | JALAN SCOTLAND (JALAN YORK - FLYOVER MASJID NEGERI) |
| 29 | JALAN SCOTLAND (JALAN LAHAT - JALAN BATU GANTUNG) |
| 30 | JALAN AYER ITAM (SEKOLAH AL MASHOOR LELAKI) |
| 31 | JALAN BURMA (JALAN BROWN - JALAN CANTONMENT) |
| 32 | JALAN BURMA (JALAN JONES - JALAN PANGKOR) |
| 33 | JALAN KELAWAI (JALAN PANGKOR - JALAN EDGECEMBE) |
| 34 | JALAN PANGKOR (JALAN BURMA - JALAN PERAK) |
| 35 | JALAN PERAK (JALAN PANGKOR - JALAN LOGAN) |
| 36 | JALAN MACALISTER (JALAN PERAK - JALAN ADAMS) |
| 37 | JALAN GURDWARA (SIMPJG KG JAWA BARU - JALAN TIMAH) |

SENARAI PENURAPAN JALAN TAHUN 2023

| BIL | NAMA JALAN |
|------------|--|
| 38 | JALAN GURDWARA (SIMPANG JALAN JETONG/C.Y CHOY - LEBUH SANDILAND) |
| 39 | JALAN SUNGAI (SIMPANG JALAN GURDWARA - JALAN VETERINARI) |
| 40 | LEBUH SANDILANDS (SIMPANG JALAN GURDWARA - JALAN CY CHOY) |
| 41 | JALAN SUNGAI (SIMPANG JALAN VETERINARI - JALAN SUNGAI PINANG) |
| 42 | JALAN SERVIS JALAN PERAK (LINTANG SLIM - KEDAI NO.320J) |
| 43 | JALAN SERVIS JALAN PERAK (KEDAI NO.382 - LTG SLIM) |
| 44 | JALAN VAN PRAAGH (JALAN PERAK - HADAPAN SJKC KHENG TEAN) |
| 45 | JALAN OOI THIAM SIEW (JALAN VAN PRAAGH - JALAN TAPAH) |
| 46 | JALAN MAGAZINE (SIMPANG JALAN RIA - JALAN MACALISTER) |
| 47 | JALAN DATO KERAMAT (JALAN MAGAZINE - KAMPUNG JAWA BARU) |
| 48 | JALAN MASJID NEGERI (JALAN AYER ITAM - JALAN LIM LEAN TENG) |
| 49 | JALAN MASJID NEGERI (JALAN HAMILTON - JALAN BESI) |
| 50 | TINGKAT JELUTONG (LINTANG JELUTONG -LINTANG JELUTONG) |
| 51 | LORONG JELUTONG (LINTANG JELUTONG - LEBUHRAYA GELUGOR) |
| 52 | HALAMAN FREE SCHOOL |
| 53 | LENGKOK P.RAMLEE |
| 54 | JALAN TAN IU GHEE |
| 55 | JALAN P. RAMLEE |
| 56 | JALAN MASJID NEGERI (JALAN TAN SRI TEH EWE LIM - JALAN DELIMA) |
| 57 | JALAN MASJID NEGERI (JALAN DELIMA - AUTOPOND BATU LANCANG) |
| 58 | JALAN MASJID NEGERI (AUTOPOND BATU LANCANG - JALAN BESI) |
| 59 | JALAN AYER ITAM (PREMIS 490 - JAMBATAN SUNGAI AYER ITAM) |
| 60 | JALAN AHMAD NOR (LEBUHRAYA TUN DR LIM CHONG EU - LINTANG HJH REHMAH) |
| 61 | LEBUHRAYA TUN DR LIM CHONG EU (JEJAMBAT & JALAN SUSUR) |
| 62 | UNDERPASS BULATAN UDINI, JALAN TUNKU KUDIN |

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XIII)18

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENKALAN KOTA
YB WONG YUEE HARNG**

18. Adakah MBPP masih menjalankan kutipan sampah kitar semula pada hari Sabtu?
- (a) Nyatakan statistik kutipan sejak Ogos 2023 sehingga kini.
 - (b) Adakah pembuangan bahan elektronik juga dikutip ikut jadual kutipan kitar semula?
 - (c) Nyatakan syarikat-syarikat yang menguruskan bahan kutipan kitar semula elektronik dan bukan elektronik.

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

18. Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) masih menjalankan aktiviti kutipan kitar semula pada setiap hari Sabtu. Walau bagaimanapun, kempen ini masih kurang mendapat sambutan.
- (a) Statistik kutipan barangan kitar semula sejak Ogos 2023 sehingga April 2024 adalah seperti di **JADUAL 1** berikut:

| BULAN | KERTAS (KG) | PLASTIK (KG) | BESI (KG) | ALUMINIUM (KG) |
|----------------|------------------------|-------------------------|----------------------|---------------------------|
| Ogos 2023 | 142 | 108 | 16 | 0 |
| September 2023 | 124 | 67 | 15 | 0 |
| Oktober 2023 | 4,489 | 165 | 0 | 0 |
| November 2023 | 464 | 46 | 0 | 0 |
| Disember 2023 | 2,624 | 314 | 4 | 0 |
| Januari 2024 | 220 | 65 | 0 | 0 |
| Februari 2024 | 792 | 142 | 0 | 0 |
| Mac 2024 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| April 2024 | 52 | 21 | 0 | 0 |

JADUAL 1 : Statistik Kutipan Barangan Kitar Semula Sejak Ogos 2023 Sehingga April 2024

- (b) Kutipan barangan elektronik (*e-waste*) bukan di bawah tanggungjawab MBPP. Walau bagaimanapun, MBPP akan melupuskan barangan elektronik yang diterima dengan sewajarnya.
- (c) Senarai syarikat yang menguruskan sisa elektronik dan bukan elektronik adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

LAMPIRAN A

| BIL | SYARIKAT | SISA ELEKTRONIK | SISA BUKAN ELEKTRONIK |
|------------|-------------------------------------|------------------------|------------------------------|
| 1. | Cycle Trend Industries Sdn. Bhd. | √ | √ |
| 2. | QS Scrap Metal Enterprise | | √ |
| 3. | Riicycle Waste Management Sdn. Bhd. | √ | √ |
| 4. | ESH Resource Management Sdn. Bhd. | | √ |
| 5. | Embatech Sdn. Bhd. | √ | √ |
| 6. | Purshothams N Ferrous Sdn. Bhd. | | √ |
| 7. | Tanjung Synergy Sdn. Bhd. | | √ |
| 8. | NGM Natural Recycle | √ | √ |
| 9. | Total east Trading | | √ |
| 10. | Sri SSBT Enterprise | √ | |
| 11. | Central Malaya Paper Sdn. Bhd. | | √ |
| 12. | Amita Berjaya Sdn. Bhd. | √ | √ |
| 13. | MGE Ramesh Metal | | √ |
| 14. | Total Integrated Recovery ESG SB | √ | √ |
| 15. | SP Maju Sdn. Bhd. | | √ |
| 16. | Three Brothers Enterprise | | √ |
| 17. | Flyz Enterprise | √ | √ |
| 18. | Subramaniam Company | | √ |
| 19. | Lancarve Enterprise | | √ |
| 20. | Fat Hopes Energy Sdn. Bhd. | | √ |
| 21. | Jaya Om Enterprise | | √ |
| 22. | NR Metal Enterprise | √ | √ |
| 23. | Century Surf Sdn. Bhd. | √ | |
| 24. | MEP Enviro Technology Sdn. Bhd. | √ | |
| 25. | MMP Resources | √ | |
| 26. | Preference Megacycle Sdn. Bhd. | √ | |
| 27. | Reclaimtek (M) Sdn. Bhd. | √ | |

| BIL | SYARIKAT | SISA ELEKTRONIK | SISA BUKAN ELEKTRONIK |
|------------|-----------------------------------|------------------------|------------------------------|
| 28. | Shan Poornam Green Tech Sdn. Bhd. | √ | |
| 29. | Shan Poornam Metals Sdn. Bhd. | √ | |
| 30. | AER Worldwide Sdn. Bhd. | √ | |
| 31. | Ajensi Viji | √ | |
| 32. | Alam Aliran Kualiti (M) Sdn. Bhd. | √ | |
| 33. | Bigwise Resources Sdn. Bhd. | √ | |
| 34. | Cleancon Resources Sdn. Bhd. | √ | |
| 35. | Comet Recycle Sdn. Bhd. | √ | |
| 36. | Dragon Alliance Sdn. Bhd. | √ | |
| 37. | Ecoves Recycle Sdn. Bhd. | √ | |
| 38. | Frescode Industries | √ | |
| 39. | Globecycle Industries Sdn. Bhd. | √ | |
| 40. | Jaring Metal Industries Sdn. Bhd. | √ | |
| 41. | KHK Recylce Sdn. Bhd. | √ | |
| 42. | MM Century Sdn. Bhd. | √ | |
| 43. | Techom Metal Sdn. Bhd. | √ | |
| 44. | Teratai Gateway Sdn. Bhd. | √ | |
| 45. | Tes-Amm (Malaysia) Sdn. Bhd. | √ | |
| 46. | Untung Harmoni Sdn. Bhd. | √ | |
| 47. | WTHT Metal Sdn. Bhd. | √ | |

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XIII)19

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENKALAN KOTA
YB WONG YUEE HARNG**

19. Adakah kesemua lokasi di Pengkalan Kota termasuk tanah tambun baru oleh PBA di sebelah Pangsapuri Pelangi telah dirangkumi oleh perkhidmatan 5G?
- (a) Nyatakan usaha kerajaan bagi memastikan kestabilan rangkaian telefon dan internet terjamin.
 - (b) Apakah prosedur dan cara bagi seseorang untuk membuat aduan terhadap menara telco yang baru ataupun lama?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

19. Berdasarkan semakan bersama pihak Digital Nasional Berhad (DNB), terdapat enam (6) buah lokasi tapak 5G di kawasan Pengkalan Kota yang telah beroperasi dengan perkhidmatan rangkaian 5G termasuk kawasan tanah tambun baharu oleh Perbadanan Bekalan Air (PBA) bersebelahan Pangsapuri Pelangi.
- (a) Antara usaha-usaha Kerajaan Negeri bagi memastikan kestabilan rangkaian telefon dan internet terjamin adalah seperti berikut:
 - (i) Memudah cara pelaksanaan dan pembangunan infrastruktur komunikasi di seluruh Negeri Pulau Pinang;
 - (ii) Menggalakkan pemasangan struktur komunikasi jenis *Smart Street Pole* (SSP) di kawasan yang mempunyai masalah kapasiti;
 - (iii) Menambah bilangan struktur komunikasi 4G di kawasan-kawasan berpenduduk yang padat;

- (iv) Merancang pembangunan jalur lebar talian tetap dengan kaedah pelaksanaan yang melibatkan kaedah perkongsian infrastruktur; dan
 - (v) Melaksanakan audit kualiti perkhidmatan secara berkala oleh pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) bagi memastikan kualiti perkhidmatan disediakan mengikut piawaian yang telah ditetapkan.
- (b) Prosedur dan cara bagi seseorang untuk membuat aduan terhadap menara *telco* yang baharu ataupun lama adalah dengan mengemukakan aduan kepada pihak Kerajaan Negeri melalui Bahagian Kerajaan Tempatan berdasarkan Prosedur Operasi Standard (SOP) Bantahan Penduduk Terhadap Struktur Pemancar Telekomunikasi Negeri Pulau Pinang yang telah mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2020. SOP ini boleh dimuat turun melalui laman sesawang rasmi Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XIII)20

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENKALAN KOTA
YB WONG YUEE HARNG**

20. Senaraikan kerja-kerja naik taraf dengan kos dan kos penyelenggaraan tahunan bagi taman kejiranan Macallum dan Sri Saujana masing-masing sejak tahun 2018.
- (a) Taman kejiranan Macallum dipenuhi sampah setiap hari, berapa kerapkah taman tersebut dibersihkan?
 - (b) Apakah usaha MBPP untuk memastikan taman-taman ini diguna pakai dan dijaga baik setiap masa?

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

20. Kerja-kerja naik taraf yang dilaksanakan oleh Pejabat Daerah dan Tanah Timur Laut (PDTTL) di Taman Kejiranan Macallum adalah 'Kerja-kerja Membina Gelanggang Bola Keranjang di Taman Kejiranan Macallum Pulau Pinang dan Kerja-kerja Berkaitan' yang bermula pada 25 Oktober 2022 dan siap pada 15 Disember 2022 dengan kos sebanyak RM270,929.66 yang dilaksanakan secara *one-off* serta tiada kos penyelenggaraan tahunan oleh pihak PDTTL. Manakala bagi kos penyelenggaraan tahunan bagi Taman Kejiranan Macallum dan Sri Saujana sejak tahun 2018 sehingga 2024 oleh pihak Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) adalah seperti berikut:

| Perkhidmatan Pemotongan Rumput Serta Pembersihan Dan Penyelenggaraan Kemudahan Awam Di Tanah Lapang | | |
|--|---------------------------------|------------------------------------|
| Tahun | Kos Penyelenggaraan (RM) | |
| | Taman Kejiranan Macallum | Taman Kejiranan Sri Saujana |
| 2018 | 16,400.00 | 6,000.00 |
| 2019 | 11,146.03 | 18,220.00 |
| 2020 | 66,998.75 | 16,740.00 |
| 2021 | 53,824.09 | 16,400.00 |
| 2022 | 34,320.54 | 18,160.00 |
| 2023 | 18,411.00 | 15,437.00 |
| 2024 (hingga April) | 44,986.03 | 728.00 |

- (a) Kadar kekerapan bagi kerja-kerja pembersihan di Taman Kejiranan Macallum adalah sebanyak dua (2) kali sebulan serta mengikut keperluan keadaan di tapak.
- (b) Pihak MBPP akan meningkatkan kekerapan pemantauan di taman-taman ini bagi memastikan taman ini dapat diguna pakai dan dijaga dengan baik pada setiap masa memandangkan jumlah pengguna semakin meningkat sejak gelanggang bola keranjang dibina.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XIII)21

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENKALAN KOTA
YB WONG YUEE HARNG**

21. Huraikan usaha IWK dalam menangani isu pebetungan di KADUN Pengkalan Kota.
- (a) Nyatakan perancangan dan jadual IWK untuk menyelesaikan masalah isu pebetungan tersebut secara menyeluruh.
 - (b) Nyatakan saluran aduan awam atas isu pebetungan.
 - (c) Adakah caj dikenakan terhadap orang awam yang melaporkannya sekiranya masalah berpunca oleh isu paip IWK tersendiri?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

21. Terdapat tiga (3) rangkaian paip pebetungan yang bermasalah dalam tadahan pebetungan melibatkan kawasan Jelutong dan persekitarannya termasuk KADUN Pengkalan Kota seperti berikut:
- (i) (Jalan Perak: Kerosakan paip pebetungan graviti berdiameter 1,350 milimeter (mm);
 - (ii) Jalan Sungai: Paip pebetungan yang berdiameter kecil (600mm) di bahagian hilir (downstream) tidak dapat menampung kapasiti aliran kumbahan dengan Kesetaraan Penduduk (Population Equivalent - PE) 400,000PE dari bahagian hulu kawasan tadahan pebetungan (upstream); dan
 - (iii) Jalan Sungai Pinang: Kebocoran di bahagian sambungan

rangkaian paip bertekanan tinggi berdiameter 1,200mm yang menghubungkan stesen pam PEG123 ke Loji Rawatan Kumbahan (LRK) Serantau Georgetown (GRSTP) PEG227 di bahagian hilir.

Siasatan yang dilaksanakan oleh Indah Water Konsortium (IWK) Unit Pulau Pinang mendapati bahawa insiden-insiden yang berlaku di kawasan tersebut seperti keruntuhan paip, limpahan kumbahan dan lubang benam (sinkhole) adalah disebabkan oleh kelemahan pada struktur tanah yang menyokong kedudukan paip di sepanjang Jalan Perak dan Jalan Sungai. Keadaan paip di kawasan tersebut yang usang serta sekatan aliran (bottleneck) lantaran paip yang berdiameter lebih kecil di bahagian hilir juga turut memburukkan keadaan.

Aset-aset (paip-paip dan stesen pam) tersebut telah dibina lebih tiga puluh (30) tahun yang lalu oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan diserahkan kepada IWK untuk pengoperasian dan penyelenggaraan pada tahun 1996.

- (a) Sebagai penyelesaian jangka masa panjang, IWK telah melaksanakan kajian kejuruteraan menyeluruh dengan penyiasatan lengkap di tapak oleh pihak perunding kejuruteraan pada bulan Disember 2023. Hasil kajian kejuruteraan tersebut mencadangkan supaya:
 - (i) Satu (1) jajaran paip yang baharu dibina untuk menggantikan rangkaian paip sepanjang 2.9 kilometer (km) yang telah usang di Jalan Perak;
 - (ii) Paip pembedungan graviti yang berdiameter kecil sedia ada di Jalan Sungai dinaik taraf kepada paip berdiameter 1,500mm;
 - (iii) Rangkaian paip pembedungan graviti berdiameter 2,100mm dan paip bertekanan tinggi berdiameter 1,400mm yang baharu menuju ke GRSTP dibina;
 - (iv) Kumbahan dari stesen pam sedia ada di Jalan Sungai (PEG123) disalurkan ke stesen pam baharu; dan
 - (v) LRK PEG183 dinaik taraf kepada sebuah stesen pam

berkapasiti 600,000PE.

Anggaran kos keseluruhan bagi pelaksanaan kerja-kerja ini adalah sebanyak RM115.0 juta yang akan menggunakan peruntukan dari Dana Kumpulan Wang Sumbangan Modal Pembedungan (KWSMP). Keseluruhan projek dijangka akan mengambil masa selama tiga puluh enam (36) bulan untuk disiapkan.

Sementara itu, pemantauan berterusan akan dijalankan di kawasan tersebut dan kerja-kerja pembaikan kecemasan akan dilaksanakan berdasarkan keperluan. Tindakan mitigasi sementara termasuk perkhidmatan lori tangki juga disediakan oleh IWK sehingga projek tersebut siap dilaksanakan.

- (b) Orang awam boleh menyalurkan sebarang aduan berkaitan isu pembedungan kepada Pejabat Operasi IWK Unit Pulau Pinang di talian 04-2825828 (Khidmat Pelanggan).
- (i) Tiada caj dikenakan kepada orang awam sekiranya masalah berpunca dari paip pembedungan awam.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XIII)22

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENKALAN KOTA
YB WONG YUEE HARNG**

22. Siapakah yang memiliki tanah lapang, tempat parkir dan jalan di blok-blok perumahan PDC Gat Lebu Macallum?
- (a) Senaraikan kerja-kerja naik taraf jalan dijalankan selama 10 tahun ini di tapak tersebut.
 - (b) Kesemua lokasi tersebut tidak dimiliki perbadanan pengurusan blok perumahan PDC, pihak manakah yang patut bertanggungjawab untuk menyelenggarakan kawasan itu?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

22. PDC memiliki sebilangan tapak parkir di blok-blok perumahan PDC Gat Lebu Macallum seperti mana di **LAMPIRAN A**.
- (a) Pada tahun 2017, PDC telah menyiapkan kerja-kerja membaiki parit di keliling bangunan (*perimeter drain*) termasuk kerja-kerja menurap jalan (*resurface*) bagi lima (5) Blok Pangsapuri Pelangi Gat Lebu Macallum melalui kontrak PPPP/TE6/2016 berjumlah RM1,851,952.50.
 - (b) Berdasarkan pemerhatian PDC, tapak-tapak parkir tersebut digunakan oleh penduduk di blok-blok sekeliling tapak-tapak parkir berkenaan. Oleh yang demikian, PDC menghadapi kesulitan untuk menyerahkan penyelenggaraan tapak-tapak tersebut kepada Perbadanan Pengurusan (MC) terlibat kerana setiap tapak parkir berkenaan dikongsi kegunaannya oleh lebih daripada satu (1) blok yang berada di bawah MC yang berasingan.

Senarai Tapak Kosong Milikan PDC

| Bil | Luas Tanah (kp) | No. Lot | Projek | Syarat Nyata Kegunaan Tanah |
|-----|-----------------|-------------------------|----------------------------------|---|
| 1 | 6,695 | Lot 296 (PN838) | 3 Slab Blok MSG (GT 11 Blok 362) | Tapak meletak kereta sahaja |
| 2 | 5,607 | Lot 298 (PN837) | 3 Slab Blok MSG (GT 10 Blok 360) | Tapak meletak kereta sahaja |
| 3 | 850 | Lot307 PT110 (HSD10839) | 5 Slab Blok MSG | Rumah Pam Bekalan Air sahaja |
| 4 | 4,036 | Lot 337 (PN6541) PT124 | 5 Slab Blok MSG (GT 4 Blok 346) | Tapak meletak kereta sahaja |
| 5 | 6,264 | Lot 336 (PN6540) | 5 Slab Blok MSG (GT 8 Blok 354) | Tapak meletak kereta sahaja |
| 6 | 2,820 | Lot 339 (PN6543) PT123 | 3 Slab Blok MSG (GT 10 Blok 360) | Tapak meletak kereta sahaja |
| 7 | 4,510 | Lot 290 (PN835) | 3 Slab Blok MSG (GT 9 Blok 358) | Tapak meletak kereta sahaja |
| 8 | 16,156 | Lot 292 (PN836) | 3 Slab Blok MSG (GT 9 Blok 358) | Tapak meletak kereta sahaja |
| 9 | 6,931 | Lot 293 (PN840) | 3 Slab Blok MSG | Tapak kemudahan awam (rumah pam dan generator set room) |
| 10 | 3,455 | Lot 295 (PN839) | 3 Slab Blok MSG (GT 11 Blok 362) | Tapak meletak kereta sahaja |
| 11 | 13,776 | Lot304 PT104 (HSD8100) | 5 Slab Blok MSG (GT 7 Blok 352) | Tapak meletak kereta sahaja |
| 12 | 10,154 | Lot308 PT106 (HSD8102) | 5 Slab Blok MSG (GT 8 Blok 354) | Tapak meletak kereta sahaja |
| 13 | 10,903 | Lot310 PT107 (HSD8103) | 5 Slab Blok MSG (GT 4 Blok 346) | Tapak meletak kereta sahaja |
| 14 | 3,455 | Lot 338 (PN6542) | 3 Slab Blok MSG (GT 9 Blok 358) | Tapak meletak kereta sahaja |
| 15 | 20,773 | Lot300 PT102 (HSD8098) | 5 Slab Blok MSG (GT 5 Blok 348) | Tapak meletak kereta sahaja |
| 16 | 34,190 | Lot 302 PT103 (HSD8099) | 5 Slab Blok MSG (GT 6 Blok 350) | Tapak meletak kereta sahaja |

Gat LebuH Macallum

Lim Chong Eu

Tun lebuhraya

Gat LebuH Macallum

Lintang Macallum satu

Lintang Macallum Dua

Ruj 24
Lot 302, Sek 11E DTL
Luas 34,190 kp
Tempat letak kereta sahaja

Ruj 25
Lot 300, Sek 11E DTL
Luas 20,773 kp
Tempat letak kereta sahaja

Ruj 26
Lot 337, Sek 11E DTL
Luas 4,036 kp
Tempat letak kereta sahaja

Ruj 27
Lot 310, Sek 11E DTL
Luas 10,903 kp
Tempat letak kereta sahaja

Ruj 25
Lot 304 Sek 11E DTL
Luas 13,776 kp
Tempat letak kereta sahaja

Ruj 28
Lot 307 Sek 11C DTL
Luas 850 kp
Rumah pam bekalan air sahaja

Ruj 30
Lot 336 Sek 11E DTL
Luas 6,264 kp
Tempat letak kereta sahaja

Ruj 26
Lot 308 Sek 11E DTL
Luas 10,154 kp
Tempat letak kereta sahaja

Ruj 31
Lot 338 Sek 11E DTL
Luas 3,455 kp
Tempat letak kereta sahaja

Ruj 32
Lot 290 Sek 11E DTL
Luas 4,510 kp
Tempat letak kereta sahaja

Ruj 34
Lot 295 Sek 11E DTL
Luas 3,455 kp
Tempat letak kereta sahaja

Ruj 33
Lot 293 Sek 11E DTL
Luas 6,931 kp
Tapak kemudahan awam (rumah pam & genset room)

Ruj 19
Lot 292, Sek 11E DTL
Luas 16,156 kp
Tempat letak kereta sahaja

Ruj 20
Lot 339, Sek 11E DTL
Luas 2,820 kp
Tempat letak kereta sahaja

Ruj 21
Lot 298, Sek 11E DTL
Luas 5,807 kp
Tempat letak kereta sahaja

Ruj 22
Lot 296, Sek 11E DTL
Luas 6,696 kp
Tempat letak kereta sahaja

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XIII)23

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENKALAN KOTA
YB WONG YUEE HARNG**

23. Sungguhpun wira kuning MBPP berusaha kuat untuk menjaga kebersihan bandaraya. Namun, secara keseluruhannya, rakyat negeri Pulau Pinang terasa tahap kebersihan kian menurun dan kurang memuaskan.
- (a) Nyatakan strategi MBPP dalam menangani isu kebersihan di sebelah Pulau.
 - (b) Adakah jumlah waktu kerja lebih masa perlu dipertingkatkan bagi memastikan tahap kebersihan terjamin?

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

23. (a) Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) melaksanakan pembersihan kawasan secara berjadual mengikut kawasan-kawasan yang ditetapkan. Penambahbaikan perkhidmatan sentiasa dilakukan bagi mencapai tahap kebersihan yang memuaskan. Antara strategi MBPP yang dilaksanakan adalah seperti berikut:
- (i) Bagi kawasan-kawasan yang bermasalah dan kritikal serta memerlukan pembersihan secara mekanikal, MBPP melakukan pembersihan secara *task force* dua (2) kali seminggu dengan penyusunan jadual tenaga pekerja dari setiap DUN untuk membantu menjalankan tugas pembersihan tersebut;

- (ii) Penyusunan jadual jentera mekanikal bagi menjalankan pembersihan di kawasan-kawasan tumpuan awam;
 - (iii) Menambah baik sistem pemantauan dan pelaporan di setiap kawasan pembersihan; dan
 - (iv) Menjalankan penguatkuasaan di kawasan-kawasan awam secara berterusan bagi memastikan kebersihan dijaga.
- (b) MBPP telah membuat perancangan berhubung waktu kerja lebih masa kepada Pembantu Awam bagi setiap kawasan seliaan. Kerja lebih masa bagi kerja-kerja pembersihan di sesuatu kawasan bergantung pada keperluan kerja yang perlu diberi keutamaan.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XIII)24

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENKALAN KOTA
YB WONG YUEE HARNG**

24. Batu Kawan masa depan negeri Pulau Pinang. Adakah Kerajaan Negeri berhasrat untuk membina sebuah bas terminal di kawasan Batu Kawan memandangkan Bandar Cassia dan kawasan sekeliling telah dibangun dengan padat dalam masa beberapa tahun kebelakangan ini?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

24. Pembangunan Batu Kawan telah dirancang oleh pihak Penang Development Corporation (PDC) untuk dibangunkan sebagai sebuah bandar baru yang ketiga selepas Bandar Bayan Baru dan Bandar Seberang Jaya. Selaras dengan itu, Jawatankuasa Perancang Negeri (SPC) pada 26 Januari 2015 dan disahkan pada 16 Februari 2015 telah meluluskan Pelan Induk Pembangunan Batu Kawan.

Walau bagaimanapun, berdasarkan pelan induk tersebut, komponen pembangunan yang dicadangkan ialah perumahan, perniagaan, institusi dan pejabat, industri dan pelancongan. Komponen-komponen ini memerlukan sokongan jaringan pengangkutan awam yang efisien bagi memenuhi keperluan pengguna. Oleh itu, terdapat cadangan untuk membina Hub Pengangkutan (Transportation Hub) di Batu Kawan dalam Pelan Induk Pembangunan Batu Kawan tersebut. Walau bagaimanapun, cadangan terperinci adalah tertakluk kepada cadangan pemaju.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(B)(XIII)25

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENGKALAN KOTA
YB WONG YUEE HARNG**

25. Nyatakan fasiliti / rebat / manfaat yang dinikmati oleh golongan OKU di negeri Pulau Pinang.
- (a) Adakah Kerajaan Negeri berhasrat untuk memperluaskan manfaat yang boleh dinikmati oleh golongan OKU seperti rebat cukai tanah, cukai petak, cukai taksiran dan bil air?

**YB LIM SIEW KHIM
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

25. Golongan orang kurang upaya (OKU) merupakan sebahagian daripada masyarakat. Mereka seharusnya tidak diketepikan dan mempunyai kesaksamaan hak dan peluang untuk menjalani kehidupan seperti anggota masyarakat yang lain. Justeru itu, seharusnya segala bentuk fasiliti dan kemudahan yang dibangunkan akan mengambil kira keperluan spesifik bagi kegunaan OKU. Selain itu segala bentuk manfaat dan pengecualian turut diperluas kepada golongan ini. Semua agensi termasuk Pihak Berkuasa Air Pulau Pinang (PBAPP), Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) dan Pejabat Tanah dan Galian Negeri Pulau Pinang (PTGPP) tidak ketinggalan dalam menyediakan semua bentuk kemudahan untuk dinikmati oleh golongan OKU.

Berikut adalah antara rebat dan konsesi yang disediakan oleh PBAPP untuk membantu semua pelanggan termasuk golongan OKU:

Rebat Bersasar:

- (1) Rebat Mutiara (PPRT) – rebat ini adalah untuk golongan pelanggan yang menerima skim e-kasih, di mana pendapatan isi rumah haruslah RM1036/bulan dan ke bawah. Pelanggan yang layak akan mendapat rebat RM10/bulan untuk bil air.
- (2) Rebat Mesra Keluarga – rebat ini adalah untuk golongan B40, di mana pendapatan isi rumah pelanggan haruslah RM2250/bulan dan ke bawah; dan bilangan isi rumah adalah 8 orang atau lebih. Pelanggan yang layak akan mendapat rebat RM10/bulan untuk bil air.

Selain rebat bersasar seperti yang dinyatakan di atas, PBAPP juga menyediakan bantuan lain seperti di bawah:

- (1) Kampung Loan – Ini adalah pinjaman yang diberikan oleh PBAPP untuk membantu pelanggan yang tidak mampu untuk mendapatkan perkhidmatan tukang paip untuk paip rumah mereka; dan
- (2) Jawatankuasa Rayuan – Pelanggan mempunyai pilihan untuk mengemukakan kes-kes bil air mereka ke jawatankuasa rayuan, di mana kes-kes tersebut akan disemak untuk kelayakan mendapat rebat-rebat seperti Merdeka Rebat (untuk meter utama akaun domestik); *Corporate Social Responsibility* (CSR); dan konsesi kebocoran untuk akaun domestik.

Selain itu, antara fasiliti yang disediakan oleh MBPP kepada golongan OKU adalah laluan pejalan kaki yang bebas halangan dengan kemudahan 'ramp', tempat letak kereta OKU, pondok perhentian bas yang mesra OKU, kemudahan melintas jalan dengan lampu isyarat yang mesra OKU, tandas mesra OKU dan lain-lain lagi. MBPP juga turut menyediakan petak letak kereta OKU dan memberikan pas letak kereta percuma OKU kepada pemohon yang layak serta menepati syarat-syarat permohonan.

Manakala, antara fasiliti/rebat/manfaat yang telah disediakan oleh MBSP dan dapat dinikmati oleh golongan OKU di Negeri Pulau Pinang adalah seperti berikut:

- (1) Menyediakan peruntukan berjumlah RM150,000 bagi penyediaan kemudahan untuk golongan OKU di Seberang Perai pada tahun 2024.
- (2) Memberi perkhidmatan parkir OKU secara percuma di tempat awam seperti pusat membeli-belah, institusi kerajaan, dan kawasan-kawasan awam lain.
- (3) Menyediakan fasiliti OKU di tempat-tempat awam yang dilengkapi dengan kemudahan akses mesra OKU seperti tandas, tempat letak kereta, lif, laluan khas untuk kerusi roda, pondok bas mesra OKU dan lain-lain.
- (4) Menyediakan kemudahan Kaunter Khas bagi memberikan keutamaan perkhidmatan kepada pelanggan OKU semasa berurusan di Kaunter MBSP.
- (5) Kerajaan Negeri Pulau Pinang juga menawarkan Program Bantuan OKU sebanyak RM200 setahun di bawah jenama i-Sejahtera.
- (6) Bantuan-bantuan OKU di bawah seliaan JKM merangkumi Elaun Pekerja Orang Kurang Upaya (EPOKU) dengan kadar sumbangan RM450 sebulan. Insentif ini diberikan untuk menggalakkan OKU terus bekerja, serta mampu hidup berdikari dan menjadi ahli masyarakat yang produktif.
- (7) Bantuan OKU Tidak Berupaya Bekerja (BTB) juga memberi RM300 sebulan kepada seseorang OKU. Tujuan utama adalah membantu OKU yang tidak berupaya bekerja & menggalakkan OKU terus tinggal bersama keluarga.
- (8) Bantuan Penjagaan OKU Terlantar / Pesakit Kronik Terlantar (BPT) pula bertujuan untuk meringankan bebanan keluarga/ penjaga & menggalakkan keluarga/ penjaga untuk menjaga ahli keluarga yang OKU terlantar/ sakit terlantar/ sakit kronik. Kadar sumbangan adalah RM500 sebulan.

Buat masa ini, MBSP belum mempunyai cadangan pemberian rebat cukai taksiran kepada golongan OKU. Walau bagaimanapun, MBSP telah memberi beberapa inisiatif yang dapat dinikmati oleh golongan OKU. Antara inisiatif yang diberikan adalah seperti berikut:

- (1) Memberi pelekat tempat letak kereta percuma OKU kepada golongan OKU yang beralamat di Pulau Pinang dan memenuhi syarat yang telah ditetapkan.
- (2) Mengadakan program kesedaran dan kempen pendidikan kesihatan secara bersasar kepada komuniti OKU.
- (3) Mengajukan program jangkau luar (outreach) suntikan anti-typhoid bagi pengendali makanan OKU.

Selain kemudahan dalam bentuk fasiliti, Kerajaan Negeri melalui Pejabat Tanah dan Galian Negeri Pulau Pinang turut menyediakan rebat dalam bentuk pengurangan denda cukai tanah yang dinikmati oleh warga Pulau Pinang termasuk golongan orang kurang upaya (OKU) di Negeri Pulau Pinang. Antaranya adalah pengurangan 50% bagi bayaran tunggakan denda.

Pelaksanaan pengurangan ini telah dilaksanakan mulai 2 Januari 2024 dan hanya sah bagi pembayaran tunggakan denda yang dilaksanakan sebelum atau selewat-lewatnya pada 31 Mei 2024. Tawaran ini bukan berbentuk retrospektif dan tidak terpakai kepada orang awam yang telah membuat pembayaran tunggakan denda sebelum tarikh tawaran pengurangan ini dikuatkuasakan.

Pengurangan 50% bagi tunggakan denda ini juga terpakai kepada pemilik yang menerima Notis Denda 6A (cukai tanah) atau Notis Denda 11 (cukai petak) sekiranya terdapat permohonan daripada pemilik.

Cadangan pengurangan bagi bayaran tunggakan denda ini merupakan salah satu langkah yang boleh diambil untuk mengurangkan tunggakan hasil negeri Pulau Pinang dan menggalakkan pemilik tanah untuk membayar cukai selain memberi fasiliti dan kemudahan kepada golongan OKU untuk mendapat rebat berkaitan pembayaran cukai tanah.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XIII)26

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENKALAN KOTA
YB WONG YUEE HARNG**

26. Apakah tindakan yang diambil oleh Kerajaan Negeri terhadap mereka yang bergelandangan untuk tidur di sekitar Bandaraya George Town khususnya di pondok taman kejiranan Macallum?
- (a) Pihak manakah yang bertanggungjawab atas aduan sebegini?
 - (b) Adakah golongan ini boleh dihantar ke Pusat Transit Gelandangan?

**YB LIM SIEW KHIM
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

26. Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) di bawah unit penguatkuasaan akan menerima aduan daripada orang awam, Pejabat ADUN, atau Pejabat EXCO terlebih dahulu. Selepas itu, pihak JKM akan turun untuk membuat siasatan. Sekiranya gelandangan tersebut termasuk dalam kategori berikut, maka JKM tidak mempunyai kuasa untuk menyelamatkan individu tersebut:
- (i) Kes orang papa yang disyaki berpenyakit mental;
 - (ii) Kes orang papa yang disyaki mempunyai masalah kesihatan kronik atau penyakit berjangkit;
 - (iii) Kes orang papa yang bukan warganegara;
 - (iv) Kes orang papa pemegang kad United Nations High Commission for Refugees (UNHCR);
 - (v) Kes orang papa yang disyaki penagih dadah; dan

- (vi) Kes kutipan derma tanpa kelulusan.
- (b) Oleh itu, usaha untuk menyelamatkan gelandangan tidak hanya melibatkan JKM sahaja tetapi juga melibatkan agensi-agensi seperti berikut:
 - (i) Polis Diraja Malaysia (PDRM);
 - (ii) Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK);
 - (ii) Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang;
 - (iii) Jabatan Imigresen Negeri Pulau Pinang;
 - (iv) Majlis Bandaraya Pulau Pinang; dan
 - (v) Majlis Bandaraya Seberang Perai.

Namun begitu, setiap tindakan yang diambil oleh pegawai JKM adalah tertakluk kepada Prosedur Tetap Operasi Tindakan Mengambil Orang Papa yang mana ianya tidak terpakai bagi kes bukan warganegara, kes pemegang kad UNHCR, kes disyaki berpenyakit mental, kes mempunyai masalah kesihatan kronik atau penyakit berjangkit, kes yang melibatkan penagih dadah, kes menghidu gam, kes ketagihan alkohol dan kes kutipan derma tanpa kelulusan.

- (b) Penempatan di Pusat Transit Gelandangan terbuka kepada warganegara Malaysia, berumur 18 tahun ke atas, mampu menguruskan diri sendiri, individu yang tidak berkemampuan menyewa rumah / bilik dan tidak mempunyai pekerjaan. Namun begitu, bagi individu berkategori seperti tidak mempunyai identiti diri, terlibat dengan jenayah, penagih dadah tegar, tidak siaman, penghidap penyakit berjangkit dan individu yang agresif tidak diterima untuk penempatan di PTG, manakala boleh dipohon untuk memasuki institusi yang bersesuaian tertakluk kepada keadaan seseorang itu.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XIII)27

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENKALAN KOTA
YB WONG YUEE HARNG**

27. Nyatakan *ridership* sistem perkongsian basikal sebelum dan selepas wabak COVID-19.
- (a) Adakah kerajaan berhasrat untuk menambahkan lagi bilangan basikal dan memperluaskan rangkaian stesen ke lebih banyak kawasan perumahan seperti Pengkalan Weld, Gat Lebu Macallum, Jelutong, Jalan Perak dan Batu Lancang?
- (b) Adakah konsep ini sesuai diguna pakai di Seberang?

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

27. Maklumat berhubung bilangan *ridership* di Pulau Pinang mengikut tahun (sebelum dan selepas wabak COVID-19) adalah seperti **Jadual 1** berikut:

| TAHUN | BILANGAN | CATATAN |
|--------------|-----------------|------------------------|
| 2017 | 29,025 | Sebelum wabak COVID-19 |
| 2018 | 34,331 | Sebelum wabak COVID-19 |
| 2019 | 36,822 | Sebelum wabak COVID-19 |
| 2020 | 35,487 | Selepas wabak COVID-19 |
| 2021 | 42,849 | Selepas wabak COVID-19 |
| 2022 | 54,018 | Selepas wabak COVID-19 |
| 2023 | 43,966 | Selepas wabak COVID-19 |

Jadual 1: Maklumat bilangan *Ridership* di Pulau Pinang 2017-2023

- (a) Pertambahan rangkaian stesen dan basikal adalah bergantung pada perjanjian kontrak antara Kerajaan Negeri melalui Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dengan pihak Link Bike (Fast Rent Bike (PG) Sdn. Bhd.). Sebanyak 29 buah stesen termasuk empat (4) buah stesen baharu dan 250 buah basikal telah pun disediakan dan beroperasi setakat ini. Namun begitu, MBPP akan meneliti keperluan bagi penambahan bilangan ini dari semasa ke semasa khususnya di kawasan perumahan seperti Pengkalan Weld, Gat Lebu Macallum, Jelutong, Jalan Perak dan Batu Lancang.
- (b) Konsep sistem perkongsian basikal ini boleh dipertimbangkan sekiranya terdapat permohonan yang dikemukakan oleh pihak yang berkenaan kepada pihak Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) dengan pemilihan lokasi-lokasi yang strategik bagi penyediaan kemudahan ini terutamanya di kawasan yang mempunyai *high foot traffic*, misalnya hab pengangkutan dan tarikan pelancong yang mampu mencapai tahap optimum kepenggunaannya. Selain itu, penyediaan kemudahan ini di kawasan yang mempunyai *point of interest* yang berfungsi sebagai *last mile transportation* juga perlu diberi tumpuan bagi mempromosikan gaya hidup sihat kepada orang ramai.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XIII)28

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENKALAN KOTA
YB WONG YUEE HARNG**

28. Pelan LRT terkini telah dipanjangkan sehingga ke Seberang, nyatakan lokasi stesen dan laluan LRT terkini yang melalui atau terletak di dalam KADUN Pengkalan Kota.

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

28. Terdapat 21 stesen di sepanjang laluan Bayan Lepas dan satu (1) stesen di Penang Sentral untuk menghubungkan penduduk di bahagian Seberang Perai ke bahagian Bayan Lepas. Jajaran Laluan Mutiara akan melalui kawasan yang padat seperti Bayan Lepas, Bayan Baru, Sungai Dua, Gelugor and George Town. Perincian lokasi stesen dalam peringkat pemuktamadan.

Komtar dirancang untuk menjadi stesen pertukaran utama di masa hadapan untuk sambungan untuk laluan ke Tanjong Bungah dan Air Itam. Laluan Mutiara akan merentasi laut dari stesen Komtar ke stesen Penang Sentral.

Kawasan stesen adalah seperti yang dirancang sebelum ini. Laluan Mutiara yang melalui atau terletak di dalam KADUN Pengkalan Kota adalah di Macallum.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XIII)29

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENKALAN KOTA
YB WONG YUEE HARNG**

29. Gurney Bay disambut baik oleh orang awam. Petak parkir senantiasanya tidak mencukupi, bilangan bilik tandas perempuan / lelaki adalah sama. Ini tidak dapat menampung permintaan yang tinggi. Huraikan cara penyelesaian.
- (a) Apakah sebab tandas perempuan tidak dirancang dengan lebih banyak bilik air?
 - (b) Mengapakah tempat parkir bawah tanah tidak dirancang?

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

29. Projek Gurney Bay dilaksanakan secara berfasa iaitu Fasa 1 dan Fasa 2. Projek Gurney Bay Fasa 1 telah dibuka untuk kunjungan orang awam bermula pada 4 Februari 2024. Gurney Bay disambut baik dan menerima kunjungan orang awam yang ramai setiap hari terutamanya pada hujung minggu. Jumlah pengunjung yang ramai ini menyebabkan berlakunya kesesakan di Gurney Bay dan kawasan sekitarnya terutamanya pada waktu puncak yang mengakibatkan petak parkir atau tempat letak kenderaan (TLK) sedia ada menjadi terhad kepada pengguna. Kehadiran pengunjung yang ramai ini juga menyebabkan kemudahan tandas awam yang disediakan di Gurney Bay tidak mencukupi. Justeru, bagi mengatasi masalah ini, lebih banyak kemudahan akan disediakan di Projek Gurney Bay Fasa 2 yang dijangka dapat disiapkan pada tahun 2025. Keseluruhan projek ini akan dilengkapi dengan kemudahan TLK, tandas dan kemudahan-kemudahan lain seperti berikut:

| BIL. | JENIS KEMUDAHAN | JUMLAH (UNIT) |
|------|--------------------------------|---------------|
| 1. | Tempat letak kereta | 800 |
| 2. | Tempat letak bas | 12 |
| 3. | Tempat letak motosikal | 238 |
| 4. | Ruang gerai perniagaan | |
| | i. <i>Food & Beverages</i> | 134 |
| | ii. <i>Retails</i> | 17 |
| | iii. <i>Kiosk</i> | 6 |
| 5. | Surau | 1 |
| 6. | Tandas | 9 |

- (a) Perancangan dan penetapan tandas di Projek Gurney Bay disediakan mengikut panduan dan spesifikasi pengiraan daripada Malaysia Standard (MS) 2015-1:2017 dan garis panduan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP). Bagi projek Fasa 1, bilangan bilik air yang diperlukan mengikut pengiraan adalah tiga (3) buah, tetapi bilik air yang disediakan adalah enam (6) buah iaitu melebihi daripada piawaian yang ditetapkan. Manakala bagi Fasa 2, bilangan bilik air yang ditetapkan adalah 15 buah, akan tetapi jumlah bilik air yang sedang dibangunkan adalah 26 buah. Jumlah bilangan bilik air yang disediakan ini adalah melebihi daripada keperluan piawaian dan garis panduan MBPP bagi memastikan penggunaannya dapat menampung lebih ramai pengguna.
- (b) TLK yang disediakan di Gurney Bay adalah jenis *open car park* di Fasa 1 dan *multi-storey car park* di Fasa 2. Jenis TLK bawah tanah atau *basement car park* tidak digunakan di Gurney Bay disebabkan kos pembinaan dan operasi yang tinggi. Kos untuk membangunkan *basement car park* adalah lebih tinggi berbanding *open car park* atau *multi-storey car park* kerana keperluan penyediaan *ventilation system*, *firefighting system*, struktur dinding jenis *retaining* dan *waterproofing* dan kerja-kerja *sea water pumping*. Manakala, kos

pengoperasian *basement car park* juga adalah tinggi kerana keperluan penyediaan *ventilation* dan *lighting* untuk tempoh 24 jam.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XIII)30

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENKALAN KOTA
YB WONG YUEE HARNG**

30. Nyatakan status dan perkembangan terkini untuk *Penang Free Wifi*.
- (a) Adakah projek tersebut masih wujud?
 - (b) Jika ya, senaraikan secara terperinci bilangan *hot spot*, kos perbelanjaan tahunan, kelajuan internet dan statistik bilangan pengguna yang aktif.

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

30. (a) Perkhidmatan *Penang Free Wifi* (PFW) telah diperkenalkan pada tahun 2009 oleh Kerajaan Negeri sebagai usaha untuk mengurangkan jurang digital dalam kalangan penduduk di negeri Pulau Pinang. Walau bagaimanapun, pada 13 Februari 2019, Kerajaan Negeri telah mengambil keputusan untuk menamatkan perkhidmatan ini kerana terdapat beberapa isu berbangkit berkaitan perkhidmatan PFW seperti tahap *bandwidth* dan liputan yang disediakan oleh pihak REDtone International Berhad (REDtone) adalah tidak memuaskan.
- (b) Tidak berkenaan kerana perkhidmatan PFW telah ditamatkan pada 13 Februari 2019.